


Hari Ahad
4 Mei, 1986

NEGERI TERENGGANU

PENYATA RASMI
DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KEENAM
PENGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT

Persidangan Kali Yang Ketiga
Pada 4 Mei 1986

Dikeluarkan oleh:
Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Terengganu.



DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS

*daripada:
Setiausaha
Dewan Undangan Negeri
Terengganu.*

Hari Ahad
4 Mei, 1986

KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli [Muka 1]
2. Doa [Muka 3]
3. Ucapan Yang Berhormat
Dato' Yang Dipertua [Muka 3]
4. Kertas-kertas Kerja dan
Laporan-laporan. [Muka 5]
5. Soalan-soalan yang telah
diberi notis -
 - (1) Soalan-soalan dan
jawapan-jawapan
bertulis. [Muka 7]
 - (2) Soalan-soalan dan
jawapan-jawapan
Lisan. [Muka 7]
6. Usul yang telah
diberi notis -
 - (1) Meminda Peraturan-
peraturan dan
Perintah-Perintah
Tetap Dewan
Undangan Negeri [Muka 27]

7. Rang Undang-Undang -

- (1) Enakmen Perhutanan
Negara (Penerimaan
Pakai) 1986. [Muka 28]
- (2) Enakmen Undang-
Undang (Tubuh)
Menteri Besar
(Pindaan) 1986. [Muka 35]
- (3) Enakmen Tanah
Simpan Bagi
Orang-Orang
Melayu (Pindaan)
1986. [Muka 52]

8. T A N G G U H A N [Muka 54]

4 Mei 1986

DEWAN UNDANGAN NEGERI MULAI BERSIDANG PADA PUKUL 9.30 PAGI

HADIR

- Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua
Dato' Haji Hussin bin Haji Abdullah, DPMT., AMN., PJK.
(WAKIL HULU BESUT)
- Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar
Dato' Seri Amar Di Raja (Dato' Haji Wan Mokhtar bin Ahmad) SSMT., SPMT., DA., DPMJ., KMN., JP., PJK.
(WAKIL CUKAI)
- Yang Berhormat Dato' Haji Abu Bakar bin Daud,
DSMT., DPMT., JMN., PJK.
(WAKIL LADANG)
- " " Dato' Haji Ahmad Sidi bin Haji Ismail,
DPMT., KMN., JP., PJC., PJK.
(WAKIL TELEMUNG)
- " " Mulia Dato' Haji Tengku Mahmud bin Mansor,
DPMT., KMN., JP., PJC., PJK.
(WAKIL SETIU)
- " " Dato' Haji Abd. Rashid bin Ngah, DPMT., PJC., PJK.
(WAKIL SEBERANG TAKIR)
- " " Encik Tok Teng Sai, ASM., AMN., PJK.
(WAKIL BANDAR)
- " " Haji Wan Zakaria bin Abd. Rahman, ASM., PJK., PPN.
(WAKIL KUALA BESUT)
- " " Mulia Engku Bijaya Sura (Syed Omar bin Mohamad)
SMT., AMN., PJK., BLB.
(WAKIL PAKA)
- " " Dato' Haji Wan Adnan bin Ismail,
DSMT., DPMT., KMN., JP., PPT.
(WAKIL KEMASEK)
- " " Haji Salleh bin Mohamad,
AMN., PJC., PJK., PPN.
(WAKIL LANGKAP)
- " " Haji Wan Ibrahim bin Wan Othman,
AMN., PJC., PJK.
(WAKIL BATU RAKIT)
- " " Haji Ismail Alfalah bin Salleh, AMN., PJK.
(WAKIL BUKIT BANDI)
- " " Haji Abd. Razik bin Taib, AMN., PJC.
(WAKIL BUKIT PAYONG)

4 Mei 1986

Yang Berhormat Haji Muda bin Abdullah, JP.,AMN.,PJK.

(WAKIL JERANGAU)

- " " Encik Othman bin Omar, AMN.,PJK.
(WAKIL SURA)
- " " Haji Ahmad Kasim @ Ghazali bin Endut, JP.,PJK.,PPN.
(WAKIL BUKIT TUNGGAL)
- " " Encik Hassan bin Haji Said, AMN.,PJK.
(WAKIL BUKIT KENAK)
- " " Haji Mustafa bin Muda, AMN.,PJK.,PPN.
(WAKIL TANGGUL)
- " " Encik Harun bin Ali, AMN.,PJK.
(WAKIL MERCANG)
- " " Encik Abdullah bin Muhammad, PJK.
(WAKIL KAMPONG RAJA)
- " " Wan Muda bin Mohd. AMN.,PJK.,PPN.
(WAKIL KUALA BERANG)
- " " Encik Muda bin Mamat, PJK.,PPN.
(WAKIL BINJAI)
- " " Haji Abdul Hadi bin Haji Awang
(WAKIL MARANG)
- " " Haji Mustafa bin Ali
(WAKIL WAKAF MEMPELAM)
- " " Haji Harun bin Taib
(WAKIL MANIR)
- " " Haji Wan Abd.Muttalib bin Embong
(WAKIL BATU BURUK)

TIDAK HADIR

Yang Berhormat Encik Abu Bakar bin Chik
(WAKIL JERAM)

HADIR menurut Fasal XIII(3) Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan
Terengganu (Bab Yang Pertama)

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan

Dato' Setia Wangsa

(Dato'Haji Abdul Rahman bin Nasir)

DSMT.,DPMT.,PJC.,PJK.,BLB.

- " " Penasihat Undang-Undang Negeri
Nik Hashim bin Nik Abdul Rahman.
- " " Pegawai Kewangan Negeri
Dato' Lela Jasa
(Dato' Hashim bin Sulaiman)
DPMT.,PJC.,PJK.,BLB.

4 Mei 1986

DOA — [Dibaca oleh Yang Berhormat
Dato' Yang Dipertua]

UCAPAN YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA

Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amar Diraja, Menteri Besar Terengganu dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sekali lagi kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan limpah dan keizinanNya kita semua masih berada di dalam keadaan sihat dan afiat baik dari segi fizikal mahu pun mental. Maka dengan nikmat sihat ini kita semua dapat menghadiri persidangan Dewan yang mulia ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mungkin inilah kali terakhir kita bersidang di Dewan ini dan saya percaya persidangan yang akan datang akan di adakan di Dewan baharu yang pembinaannya hampir siap sekarang. Saya berdoa semoga kita semua akan berpeluang bersidang di Dewan tersebut.

Persidangan kali ini diadakan hanya sehari sahaja. Ini memandangkan kepada ramai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat terutama sekali dari Parti Pembangkang sedang sibok mencari pengaruh bagi membolehkan mereka masuk ke Dewan baru yang saya sebutkan tadi. Kalau persidangan ini diadakan banyak hari sudah tentulah akan mengganggu usaha-usaha mereka hendak masuk kampong keluar kampong kerana berceramah, bersyarah, berijtimak dan yang pentingnya untuk menadah "sumpit rok-rak".

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, di dalam keseronakan mereka bersyarah itu salah seorang daripada Ahli Dewan ini ada menceritakan tentang diri saya mengendalikan Dewan ini. Katanya "Speaker samalah seperti Referee Bola, mana boleh jadi kalau Referee sendiri yang menendang bola". Dalam hal ini saya suka menjawab begini sahaja - Orang atau pun Pasukan yang selalu tidak puas hati kepada pengadilan Referee itu ialah orang atau pun pasukan yang kalah. Pasukan yang menang jarang menimbulkan masalah. Jadi kalau hendak ikutkan orang kalah ini sampai bila pun Referee tidak akan dapat menjalankan tugasnya. Saya percaya Yang Berhormat Wakil Ladang dapat mengesahkan apa yang saya katakan ini... [KETAWA]...

4 Mei 1986

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, di sinilah pentingnya tiap-tiap orang itu mengenali diri masing-masing. Selagi seseorang itu tidak mengenali dirinya sendiri maka selama itulah dia akan berkata apa yang orang lain buat itu tidak kena belaka - Inilah amalan Orang-orang PAS.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekian dan saya ucapkan SELAMAT BERSIDANG.

4 Mei 1986

KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN

D.U.N. Bil: 1 Tahun 1986	Penyata Kira-kira Tahunan Majlis Daerah Marang bagi tahun 1982.
D.U.N. Bil: 2 Tahun 1986	Penyata Kira-kira Tahunan Majlis Daerah Kemaman bagi tahun 1984.
D.U.N. Bil: 3 Tahun 1986	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah bagi tahun 1982.
D.U.N. Bil: 4 Tahun 1986	Penyata Kewangan Negeri Terengganu bagi tahun 1981.
D.U.N. Bil: 5 Tahun 1986	Laporan Ketua Audit Negara bagi Negeri Terengganu Tahun 1981.
D.U.N. Bil: 6 Tahun 1986	Pindaan kepada Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.
D.U.N. Bil: 7 Tahun 1986	Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313).

4 Mei 1986

D.U.N. Bil: 8 Tahun 1986 Penyata Jawatankuasa
Kira-kira Wang Kerajaan
Negeri Terengganu di atas
Penyata-penyata Juru
Audit Negara bagi Tahun
1978 dan 1979.

D.U.N. Bil: 9 Tahun 1986 Laporan Jawatankuasa
Hak dan Kebebasan Dewan
Undangan Negeri Tereng-
ganu.

4 Mei 1986

SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS

(1) Soalan-soalan bertulis -

Soalan-soalan dan jawapan-jawapan bertulis daripada Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali telah dibentangkan di atas meja.

(2) Soalan-soalan lisan -

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua: Sekarang kita masuk kepada soalan-soalan lisan. Dengan ini saya menjemput Yang Berhormat Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, Wakil Marang mengemukakan soalan-soalannya.

Yang Berhormat Haji Abd.Hadi: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

"Apakah kesan-kesan positif yang diperolehi hasil dari lawatan Perdana Menteri ke Terengganu pada awal bulan April yang lalu. Berapakah jumlah perbelanjaan yang terlibat kerana pengangkutan, imbuhan dan makan minum rakyat yang menyambut dan meraikan rombongan Perdana Menteri sepanjang lawatan tersebut."

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kesan positif dari lawatan Y.A.B. Perdana Menteri ke Negeri Terengganu, pertama dapat menjernihkan perkara-perkara yang kabur di kalangan rakyat. Kedua, menguatkan sokongan serta kepercayaan rakyat negeri ini terhadap kepimpinannya sebagai Perdana Menteri Malaysia.

Dato' Yang Dipertua, belanja yang terlibat dari lawatan selama dua hari ialah \$94,853.81.

Yang Berhormat Haji Abdul Hadi: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan - Apakah pula kesan-kesan yang negatif daripada lawatan itu.

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Dato' Yang Dipertua, tidak ada.

Yang Berhormat Haji Abdul Hadi: Yang Berhormat Dato' Yang

4 Mei 1986

Dipertua, soalan tambahan - Apakah pihak Kerajaan sedar ianya melibatkan kakitangan kerajaan meninggalkan tugas mereka.

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Dato' Yang Dipertua, sebagai seorang pemimpin yang berjasa dan banyak membuat bakti kepada negara, lebih wajar, sekali dalam setahun semua pihak orang yang tahu menghormati serta mengenangkan budi memberi segala tenaga dan usaha bagi memberi kera'ian seumpama ini.

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan - Adakah menjadi amalan biasa bagi pihak Kerajaan mengarahkan setiap pegawai-pegawai untuk hadir dalam setiap perjumpaan yang diadakan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Sebagai Perdana Menteri semua kakitangan Kerajaan yang berkhidmat di bawahnya adalah diarah untuk menghadiri dan menghormati tetamu yang sekali sekala membuat lawatan ke negeri ini.

Yang Berhormat Haji Wan Abd.Muttalib: Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua - Bolehkah Yang Amat Berhormat menjelaskan apakah keyakinan rakyat yang perlu di minta atau pun di harapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Dato' Yang Dipertua, sebagaimana yang saya jelaskan tadi kedatangannya ialah untuk menjernihkan perkara yang kabur dan juga untuk membuktikan sokongan rakyat bulat kepadanya hasil daripada kedatangan yang begitu ramai sebagai menyambut ketibaannya.

Yang Berhormat Haji Harun bin Taib: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, apakah jenis-jenis kekaburan yang berlaku di kalangan rakyat negeri ini sebelum daripada ketibaan Yang Amat Berhormat Dato' Perdana Menteri.

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Dato' Yang Dipertua, orang yang bertanya lebih mengetahui daripada orang yang di tanya.

Yang Berhormat Haji Harun bin Taib: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terimakasih.

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, daripada perbelanjaan sebanyak \$94 ribu yang di

4 Mei 1986

belanjakan itu adakah ini termasuk duit upah \$10 seorang yang terpaksa diupah untuk sambut Perdana Menteri.

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Dato' Yang Dipertua, belanja ini adalah belanja pengangkutan dan jamuan kerana mera'ikan, tidak termasuk upah sebagaimana yang dihebohkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, hak upah masuk dalam belanja mana, saya hendak tahu?

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Yang Berhormat yang kata ada upah, tidak ada upah, ini kejujuran masing-masing.

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya boleh mengesahkan ini, bahawa ada duit itu diberikan kepada orang yang hadir dalam perjumpaan. Samada upah atau pun duit minyak, tetapi ada duit itu diberikan, bolehkah Yang Amat Berhormat menafikan bahawa Kerajaan tidak pernah beri?

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Dato' Yang Dipertua, sila kemukakan list.

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya hendak begini sahaja, bolehkah Yang Amat Berhormat menafikan adanya diberi duit itu?

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Dato' Yang Dipertua, kemukakan list.

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali: List tidakkan Kerajaan hendak beri kepada kita, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Tetapi ada orang yang memang menerima duit itu.

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Tidak ada.

Yang Berhormat Haji Salleh bin Mohamad: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali: Tidak apa kalau Yang Berhormat Wakil Langkap hendak Wakil Menteri Besar, boleh.

4 Mei 1986

Yang Berhormat Haji Salleh bin Mohamad: Bukan hendak wakil Menteri Besar, cuma PAS ini kalau ada orang sedekah sarial dua bergaduh sangat, dia kutip derma sepuluh ribu tidak gaduh, inilah... [KETAWA]..

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ke ada daripada kawasan Langkap hak tidak boleh \$10 itu yang marah sangat itu.

Yang Berhormat Haji Salleh bin Mohamad: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Langkap tidak payah minta sedekah, Langkap kaya dengan kelapa sawit, bukan macam PAS nanti minta sedekah seomar... [KETAWA]...

Yang Berhormat Haji Abdul Hadi: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang kedua -

"Apakah Kerajaan masih berhasrat meneruskan projek akuarium yang menelan belanja sebanyak 20 juta sebagaimana yang telah dirancangan?"

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan ini tidak berbangkit kerana apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tidak ada dalam Rancangan Malaysia Kelima (RML) setakat ini.

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, apakah Yang Amat Berhormat menafikan bahawa ini dirancangan untuk Rancangan Malaysia Kelima. Bahawa duit \$20 juta bagi akuarium ini dirancangan bagi Malaysia Kelima, adakah Yang Amat Berhormat menafikan?

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Dato' Yang Dipertua, kalau Ahli Yang Berhormat membaca segala laporan dia tidak akan menanya soalan tambahan ini. Apa yang disebut \$20 juta ialah dalam Laporan Kemajuan di antara rancangan-rancangan yang akan dikemuka bagi Rancangan Malaysia Kelima, sila rujuk kepada Buku Laporan muka 20. Dan di situ telah disebutkan Rancangan-rancangan tahun 1985 di samping itu kemukakan ini. Pihak Jabatan Perikanan telah meminta kelulusan Kerajaan Negeri supaya diberi peruntukan \$20 juta bagi akuarium ini tetapi Jawatankuasa telah menolak dan pihak Jawatankuasa ini telah meminta jasa baik Lembaga Ikan meminta permohonan daripada Kerajaan Pusat tetapi Kerajaan Pusat tidak memberi

4 Mei 1986

dan tidak termasuk dalam Rancangan Malaysia Kelima. Ini merupakan Laporan cadangan yang telah dibuat dalam laporan bukan dalam Estimate.

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, oleh kerana itulah saya meminta pengesahan oleh kerana cadangan itu ada dan seolah-olahnya ia akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelima sebab itu saya minta pengesahan, jadi saya hendak secara categorically bahawa Kerajaan tidak akan meneruskan projek ini.

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Sudah jelas tadi saya jawab - tidak ada di dalam Rancangan Malaysia Yang Kelima, dan kita tidak akan buat.

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sekali lagi saya hendak jelaskan - Samada oleh Kerajaan Negeri atau pun Kerajaan Pusat. Adakah itu jawapannya?

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri tidak akan melaksana, Kerajaan Pusat, kalau dia hendak beri, kita mengalu-alu.

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali: Hak inilah tempat berbelit, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, yang saya hendak minta penjelasan, bila saya sebut Kerajaan, bukan mesti Kerajaan Negeri, termasuk juga Kerajaan Pusat.

Yang Berhormat Mulia Dato' Haji Tengku Mahmud: Tuan Yang Dipertua, saya telah menjawab dalam Dewan yang lalu soalan ini, jadi kalau Ahli Yang Berhormat sedar bahawa saya mengatakan bahawa tidak ada peruntukan yang diluluskan bagi akuarium ini walaupun dipohon oleh Jabatan yang berkenaan.

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau saya masih ingat jawapan yang diberikan oleh Pengerusi Pertanian, beliau mengatakan bahawa tidak ada peruntukan bagi Negeri tetapi ada peruntukan daripada Pusat.

Yang Berhormat Mulia Dato' Haji Tengku Mahmud: Saya tidak kata begitu, saya kata - tidak ada peruntukan bagi negeri tetapi walau bagaimana pun LKIM meminta pada Kerajaan Pusat tetapi pun tidak berjaya - Jadi, tidak ada peruntukan.

4 Mei 1986

Yang Berhormat Haji Abdul Hadi: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang ketiga -

"Sejauhmanakah kesan kejatuhan harga minyak ke atas pendapatan hasil Negeri Terengganu bagi tahun 1986. Apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi mengimbangi kekurangan hasil negeri dengan tuntutan pembangunan yang mesti dilakukan?"

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, hasil daripada royalti petroleum untuk tahun 1986 dianggarkan \$311.0 juta tetapi berikutan dengan kejatuhan harga minyak kita mengalami kekurangan daripada anggaran asal sebanyak 19% atau lebih kurang \$54.44 juta.

Langkah-langkah diambil bagi mengatasi dan menimbangkan ini ialah -

1. Mengetatkan lagi kawalan dalam semua bidang perbelanjaan ketahap yang paling minima yang boleh.
2. Menjadualkan semula pelaksanaan projek-projek pembangunan dengan memberi keutamaan kepada projek-projek yang boleh memberi pulangan ekonomi dan projek-projek yang boleh mewujudkan peluang pekerjaan yang banyak serta projek-projek yang boleh meningkatkan pendapatan rakyat di luar bandar.

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, apakah di antara rancangan itu termasuk men-tawakufkan atau pun menangguhkan atau pun membatalkan beberapa projek yang kami anggap membazir, di antaranya termasuk pembinaan muzium yang berjumlah \$50 juta yang kalau pun hendak dilakukan mestilah difikir dari segi kesan ekonominya, adakah itu termasuk?

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Dato' Yang Dipertua, kita telah membuat kajian secara detail kesemua sekali termasuk muzium. Walaupun pada masa akan datang akan dilaksanakan tetapi secara slow down akan dilaksana berpe-
ringkat-peringkat tetapi mengikut masa yang sesuai.

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali: Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua, apakah dari segi jumlah perbelanjaan itu kekal sebagaimana \$50 juta atau pun dikurangkan kepada suatu angka lain.

4 Mei 1986

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Dato' Yang Dipertua, ini terpulang kepada kedudukan kewangan dan akan dikaji dari semasa ke semasa.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua: Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali, Wakil Wakaf Mempelam.

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

"Nyatakan fakta-fakta berikut mengenai Jawatankuasa Kemajuan dan Penerangan Agama Dewan Undangan Negeri Wakaf Mempelam:

- a. Pengerusi*
- b. Jumlah ceramah dan perjumpaan yang diadakan sepanjang tahun 1985 dan 1986.*
- c. Berapakah jumlah perbelanjaan yang terlibat sepanjang tempoh tersebut."*

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Dato' Yang Dipertua, Jawatankuasa Kemajuan dan Penerangan Agama peringkat Daerah di pengerusikan oleh Pegawai-pegawai Daerah sementara Daerah Kuala Terengganu di pengerusikan oleh Pentadbir Kanan Tanah Daerah, Kuala Terengganu dan sebab itulah di mana kawasan Wakaf Mempelam terletak di bawah Kuala Terengganu.

Sepanjang tahun 1985, disamping Kelas Pelajaran Agama secara mingguan, sebanyak 14 ceramah dan perjumpaan telah diadakan dengan jumlah perbelanjaan sebanyak \$8,300.00.

Manakala bagi tahun 1986 (sehingga bulan April, 1986) sebanyak 24 ceramah telah diadakan dengan jumlah perbelanjaan sebanyak \$2,400.00.

4 Mei 1986

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang kedua -

"Nyatakan jumlah grant (peruntukan) yang diberikan oleh kerajaan negeri kepada koperasi berikut:-

- a. Koperasi Pemandu Teksi.*
- b. Koperasi Kedai Runcit.*

Kenapa kedua-dua koperasi ini masih mengalami kerugian sehingga ini."

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Dato' Yang Dipertua, peruntukan yang diberi sebagai Geran Pelancaran kepada Koperasi Pemandu Teksi dan Koperasi Kedai Runcit tiap-tiap satu \$200,000.00.

Bagi Koperasi Kedai Runcit mengalami kerugian oleh kerana beberapa sebab - kelemahan pengurusan pada mula-mula koperasi ditubuh disamping menarik kepercayaan Ahli-ahli untuk menyertai koperasi dan menambahkan modal dalam koperasi ini disamping itu juga selain daripada itu ialah untuk koperasi ini terlibat dengan membiayai bimbingan-bimbingan alat-alat dan juga dalam memberi latihan kemahiran.

Manakala bagi Koperasi Pemandu Teksi, prestasinya semakin baik kerana kerugian yang dialami telah menurun daripada \$55,962.00 pada tahun 1982 kepada \$7,912.00 pada tahun 1984.

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan - Bahagian kedua soalan saya itu, apakah sebabnya khususnya kepada Koperasi Pemandu Teksi, yang memungkinkan atau pun yang menyebabkan berlakunya kerugian yang seperti itu.

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Sebagaimana yang saya jelaskan, ini adalah suatu perkara baru, sebelum ini ramai orang yang tidak berapa suka dan minat menyertai Koperasi ini oleh kerana pada masa-masa yang dahulu banyak orang-orang yang menyertai koperasi ini akhirnya hilang lesap begitu sahaja. Jadi Kerajaan mesti tidak berputus asa untuk mengusahakan ke arah ini dan sebab itulah langkah-langkah yang perlu telah diambil bagi mengusahakan ini dan sebab itulah pada permulaan mana-mana perniagaan sekali pun dia mesti menghadapi kerugian lebih-lebih lagi koperasi ini sebagai satu

4 Mei 1986

koperasi baru disamping bimbingan dan tunjuk ajar perlu diberi dari semasa ke semasa dan kita nampak kesan-kesannya di mana tahun 82 begitu tinggi kerugian tetapi 84 telah menurun sehingga kerugian dialami hanya \$7 ribu sahaja.

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan - Salah satu daripada sebab yang disebutkan itu ialah masalah pengurusan - Adakah ini telah diambil tindakan oleh pihak yang berkenaan bagi menggantikan orang-orang yang bertanggungjawab dalam bidang-bidang management atau pun pengurusan ini, setakat ini.

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Dato' Yang Dipertua, setelah kita menyedari akan kelemahan pengurusan ini, pihak Jawatankuasa telah mengemukakan perkara ini untuk kajian Unit Perancangan Ekonomi Negeri dan setelah itulah beberapa perubahan telah dibuat di mana orang-orang tertentu juga untuk masuk campur supaya meneliti dari semasa ke semasa perjalanan koperasi ini.

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, adakah setelah dikaji itu didapati hanya masalah pengurusan yang menimbulkan masalah dan adakah Kerajaan mengesyaki adanya penyelewengan disamping pengurusan itu sendiri dalam mengendalikan ini.

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Dato' Yang Dipertua, tidak dapat dikesan akan penyelewengan yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali: Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua - Adakah grant kepada Koperasi Pemandu Teksi ini terlibat sama usaha untuk mengadakan beca berjin.

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Dato' Yang Dipertua, ini soalan lain.

4 Mei 1986

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang ketiga -

"Adakah benar bahawa Hotel Primula sedang mengalami kemerosotan kadar penghunian (rate of occupancy) yang terok. Jika benar adakah ini menjejaskan keupayaannya membayar balik pinjaman yang dibuat kerana pembesarannya."

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, semenjak peringkat perancangan lagi memang dijangka bagi tahun yang pertama hingga tiga atau empat Pantai Primula akan mengalami kadar penghunian yang kurang memuaskan lebih-lebih lagi bila hotel ini mula beroperasi keadaan ekonomi meleset telah melanda negara kita maka sebab itulah pihak pengurusan terpaksa mengambil langkah-langkah tertentu terutama sekali bagi mengatasi masalah yang kemungkinan berlaku pada mula-mula berjalannya operasi ini dan sebab itulah usaha-usaha telah dijalankan di mana akhir-akhir ini dia telah dapat memenuhi kehendak-kehendak ini dengan menarik pelancong-pelancong dari Jepun dan juga Jerman. Oleh sebab itu sebagaimana pertanyaan Ahli Yang Berhormat kedudukan di atas pembayaran sedikit sebanyak menjejaskan kemampuan membayar balik dan sebab itulah terpaksa bayaran balik ini di jadualkan semula supaya sesuai dengan pendapatan dan juga memuaskan pihak yang kita berhutang.

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, adakah Kerajaan sedar bahawa berlakunya keadaan kadar penghunian yang semakin berkurangan ini bukan sahaja di sebabkan oleh kemelesetan ekonomi tetapi disebabkan oleh terbinanya lapangan terbang baru di Kerteh yang juga merupakan perencanaan Kerajaan, adakah Kerajaan sedar bahawa salah satu sebabnya oleh kerana berlakunya pembinaan lapangan terbang ini yang menyebabkan kurangnya orang-orang yang datang ikut Kuala Terengganu.

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Dato' Yang Dipertua, kemungkinan juga, oleh sebab itu Kerajaan bagi mengatasi masalah ini supaya Boeing 737 dapat mendaratkan di sini sepanjang masa, kalau boleh sepanjang minggu.

4 Mei 1986

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan - Adakah Kerajaan sedar bahawa walaupun Kerajaan mencadangkan supaya lebih banyak penerbangan dibuat tetapi apa yang berlaku ialah semakin kurang penerbangan dibuat, adakah Kerajaan menyedari hakikat ini?

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Dato' Yang Dipertua, ini bergantung kepada penumpang-penumpang yang menumpang. Walau bagaimana pun kita berusaha supaya perkara ini dapat di atasi.

Yang Berhormat Haji Wan Abd.Muttalib: Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua - Adakah Kerajaan sedar, satu dakwaan yang mengatakan penggeledahan bilik di atas suatu pasangan suami isteri di dalam bilik di Primula itu oleh Pegawai Pencegah Maksiat dan Polis dan dari situ keluarlah hebohkan bahawa di sini tidak selamat atau pun berlaku perkara-perkara yang tidak baik di dalam bilik semasa penghunian.

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Tidak sedar.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua: Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Haji Harun bin Taib, Wakil Manir untuk mengemukakan soalan-soalannya.

Yang Berhormat Haji Harun bin Taib: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

"Berapakah jumlah yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri bagi tiap-tiap kawasan Dewan Undangan Negeri di bawah apa yang dinamakan 'Peruntukan Wakil Rakyat' bagi tahun 1985 dan 1986."

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tidak ada peruntukan yang dinamakan Peruntukan Wakil Rakyat.

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau tidak silap maklumat yang saya terima bahawa ada suatu peruntukan yang diberikan oleh Wakil Rakyat Kuala Besut bagi membuat tambahan bangunan Sekolah Kebangsaan Alor Peroi sebanyak \$10 ribu yang dikatakan bahawa ini adalah peruntukan Wakil Rakyat. Saya minta penjelasan adakah ini daripada peruntukan yang dinamakan Peruntukan Wakil Rakyat atau pun daripada peruntukan mana?

4 Mei 1986

Yang Amat Bernormat Dato' Menteri Besar: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, oleh kerana Wakil Rakyat itu menyedari akan hakikat kekurangan bagi satu-satu projek maka dia telah menulis kepada saya, saya pun memberi kelulusan atas permintaan Wakil Rakyat itu.

Yang Bernormat Haji Mustafa bin Ali: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, apakah itu yang dinamakan Peruntukan Wakil Rakyat?

Yang Amat Bernormat Dato' Menteri Besar: Soal nama masing-masing boleh panggil... [KETAWA]...

Yang Bernormat Haji Wan Abd.Muttalib: Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua - Ini bukan soal nama, soal peruntukan, dia ada "heading" dia sebelum kita belanja.

Yang Amat Bernormat Dato' Menteri Besar: Ahli Yang Berhormat seorang Ahli dalam Dewan Undangan Negeri, buku estimate telah dibentang, tidak ada peruntukan yang dinamakan Peruntukan Wakil Rakyat.

Yang Bernormat Haji Mustafa bin Ali: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memang secara rasminya kami tahu tidak ada yang dinamakan Peruntukan Wakil Rakyat tetapi kalau daripada cakapan dalam mesyuarat pun digunakan istilah "Peruntukan Wakil Rakyat" dalam Majlis-Majlis Tindakan Daerah, Mesyuarat Tindakan Daerah, apakah Kerajaan mengatakan menggunakan istilah itu tidak betul.

Yang Bernormat Haji Salleh bin Mohamad: Yang Bernormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan - Jadi, kerja Ahli-ahli Yang Bernormat daripada Barisan ini ialah mengemukakan peruntukan-peruntukan yang diminta oleh rakyat, jadi bukanlah sebagai Parti Pembangkang dia kerja dia duduk mengempeng sahaja, dia tidak bercara projek-projek pembangunan ini. Jadi, sebab itulah apakala Wakil Rakyat ini minta peruntukan dengan Kerajaan jadi orang kampung kata "peruntukan hak yang Wakil Rakyat berilah" yang sebenarnya duit Kerajaan juga, jadi kalau Yang Berhormat PAS minta pun Kerajaan beri juga.

Yang Amat Bernormat Dato' Menteri Besar: Dato' Yang Dipertua, saya katakan tadi - masing-masing boleh menggunakan istilah, tetapi kerajaan tidak ada peruntukan bagi Wakil Rakyat.

4 Mei 1986

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, peruntukan jenis yang selalu dikatakan Peruntukan Wakil Rakyat itu adakah suatu peruntukan yang khas dibuat dengan jumlah-jumlah tertentu bagi satu tahun bagi setiap Dewan Undangan Negeri?

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Dato' Yang Dipertua, apa yang telah diberi bagi satu-satu kawasan termasuk kawasan PAS juga, apa yang telah diminta oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampong bagi sesebuah kampong itu. Maka sebab itulah kita membagi mengikut apa yang telah direkomenkan dan setelah di siasat oleh Pejabat Daerah akan bersesuaian satu-satu projek yang telah dimintakan itu.

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan - Adakah satu peruntukan yang sama tidak dibuat bagi setiap Dewan Undangan Negeri disamping yang tambahan itu. Ertinya, pada permulaan telah ditetapkan \$100 ribu misalnya untuk satu kawasan, adakah tidak ditetapkan yang demikian?

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Dato' Yang Dipertua, jika kita nampak perlu, kita Kerajaan mesti mengutamakan kepentingan rakyat dan kita boleh beri peruntukan ini.

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tidak tanya perlu atau apa, yang telah berlaku sekarang ini, adakah dalam amalan yang sudah berlaku sekarang ini, suatu peruntukan khusus yang uniform, sama rata antara satu DUN itu telah dibuat oleh Kerajaan.

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Dato' Yang Dipertua, dari segi pembangunan keseluruhan negeri kita mesti memberi samarata dari Kemaman sehingga ke Besut dan sebab itulah kadang-kadang terdapat bagi setengah kawasan peruntukannya lebih banyak dari setengah kawasan oleh kerana kawasan itu tidak ada pembangunan langsung jadi sebab itulah tidak dapat kita beri sama peruntukan bagi satu kawasan dengan satu kawasan lain. Sebagai contoh, Kawasan Pasir Raja tentulah peruntukannya lebih banyak dari satu kawasan Ladang yang duduk dalam bandar dan ada dibelanjakan oleh jabatan-jabatan yang tertentu.

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tidak maksudkan yang itu, apa yang saya

maksudkan, di mana Wakil-wakil Rakyat mengatakan bahawa ini adalah daripada peruntukan yang telah diperuntukkan kepadanya dan selebih daripada itu mestilah membuat permohonan lain, ini yang saya maksudkan, adakah peruntukan jenis itu merupakan suatu peruntukan yang sama rata dibuat bagi satu-satu DUN.

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Sebab saya katakan tadi - masing-masing boleh bercakap dalam soal ini, ini di luar pengetahuan saya.

Yang Berhormat Haji Harun bin Taib: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang kedua -

"Apakah keputusan muktamad yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri berhubung dengan permohonan ITM Dungun untuk mengadakan Sembahyang Jumaat di dalam Kampus ITM?"

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Dato' Yang Dipertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat telah bangkit dalam mesyuarat yang lalu bahawasanya setelah jabatan yang berkenaan membuat penyiasatan, dan menunggu permohonan baru setelah menghendaki syarat-syarat yang dikehendaki oleh pihak jabatan ini maka setakat ini belum ada lagi dan sebab itu keputusan muktamad belum dibuat oleh Jabatan yang berkenaan.

Yang Berhormat Haji Harun bin Taib: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tidak faham - "belum ada" itu permohonan baru kah, penyiasatan atau pun belum siap?

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Penyiasatan telah dibuat dan jabatan yang berkenaan telah pun memaklumkan kepada ITM bahawasanya oleh sebab-sebab, beberapa sebab yang tertentu, tidak dapat diluluskan untuk mendirikan Jumaat dan sebab itu salah satu biarlah orang, mukim yang ada dan sebagainya mencukupi sebagaimana kehendak-kehendak yang dikehendaki oleh syarak dan sebab itu bolehlah kemukakan balik menerangkan penuhnya syarat-syarat ini supaya dapat kita memberi kelulusan.

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan - Adakah makluman tentang perlunya perkara-perkara ini dikemukakan oleh pihak ITM telah diberitahu dan adakah setelah diberitahu itu ITM masih belum mengemukakan sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak Kerajaan.

4 Mei 1986

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Sepanjang yang saya ketahui belum ada lagi setakat ini.

Yang Berhormat Haji Harun bin Taib: Terimakasih, Dato' Yang Dipertua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua: Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Haji Wan Abd. Muttalib bin Embong, Wakil Batu Buruk mengemukakan soalnya.

Yang Berhormat Haji Wan Abd.Muttalib: Soalan yang pertama, Dato' Yang Dipertua -

"Berapa banyakkah wang yang dikeluarkan oleh Kerajaan bagi membaiki Jalan Bukit Cempaka ke Kuari Hamparan Bumi dan apakah kepentingan Kerajaan yang memaksa tuanpunya tanah KRM 2337 Lot 110 Mukim Batu Rakit membuang pagar di atas tanah mereka."

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jumlah peruntukan yang dikeluarkan oleh Kerajaan untuk membaiki jalan ini ialah sebanyak \$7 ribu sahaja iaitu dalam tahun 1971.

Kerajaan tidak memaksa tuan punya tanah KRM 2337 Lot 110 Mukim Batu Rakit membuang pagar di atas tanah mereka. Kerajaan tidak ada kepentingan melainkan untuk membuat jalan di atas tanah itu untuk kegunaan umum. Pagar ini diroboh oleh tuan tanah itu sendiri selepas urusan pengambilan balik selesai.

Yang Berhormat Haji Wan Abd.Muttalib: Saya tidak faham. Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua - Apakah maksudnya "selepas urusan pengambilan balik selesai".

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Pagar diroboh selepas urusan mengambil balik tanah untuk menjadi laluan di situ selesai.

Yang Berhormat Haji Wan Abd.Muttalib: Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua - Jadi adakah maknanya Kerajaan telah merintang jalan dahulu sebelum pengambilan balik ke atas tanah rakyat ini?

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Dato' Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat barangkali tidak tahu sejarah jalan ini

4 Mei 1986

di mana mula dibina ialah dalam tahun 1946 bagi mendekati penduduk-penduduk di Kampong Bukit Nenas dan Cempaka berulang alik. Oleh sebab itu jalan ini dibina dengan kerjasama orang kampung di situ dan dalam tahun 1971 mereka telah meminta kepada Kerajaan supaya memberi sedikit peruntukan bagi mengelakkan jalannya dan Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebagaimana yang saya sebutkan tadi. Dalam tahun sembilanbelas-lapan puluhan satu buah kuari telah dibina di antara dua jalan tadi, di pertengahan jalan tadi dan ini menyebabkan oleh kerana adanya lalu lalang di situ maka setengah tuar tanah telah memagarkan tanah ini dan ini boleh menjejaskan lalu lalang orang ramai di kawasan ini oleh sebab itu Kerajaan bagi menjaga kepentingan lalu lalang orang ramai telah mengambil tindakan supaya gazettee dan diambil balik tanah ini dan dengan persetujuan Jawatankuasa juga bahawa jalan ini akan dinaikkan tarafnya supaya menjadi jalan yang dijagai oleh JKR.

Yang Berhormat Haji Wan Abd.Muttalib: Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua - Sekiranya Kerajaan Negeri telah mengenal pasti perlunya jalan itu sejak tahun 1946, soalan sayanya - Adakah laluan itu digunakan tanpa pengambilan balik sehinggalah tahun 1985?

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Dato' Yang Dipertua, ini oleh kerana kita dah ada jalan lain, cuma ini untuk memotong, mendekati jalan berulang ke Batu Rakit dan pada masa itu tidaklah begitu mendesak kerana kita tahu walaupun keadaan kewangan dan juga pada masa itu sehingga tahun 71 barulah perkara ini berbangkit.

Yang Berhormat Haji Wan Abd.Muttalib: Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua - Adakah ini menggambarkan satu kelemahan pentadbiran sehingga 30 tahun lebih baru diambil balik atau pun apakah sebab-sebabnya semata-mata kerana lori daripada Kuari Hamparan Bumi itu mahu menggunakannya?

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Sebelum saya jawab, ada Ahli Yang Berhormat ada kepentingan dalam kes ini?

Yang Berhormat Haji Wan Abd.Muttalib: Saya ada kepentingan untuk rakyat, Dato' Yang Dipertua.

Yang Berhormat Haji Salleh bin Mohamad: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan - jadi, saya tahu, bukan kepen-

4 Mei 1986

tingan untuk rakyat tetapi ada komisen yang dapat daripada perbincangan tanah itu, itu yang penting, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Dato' Yang Dipertua, boleh seorang yang ada kepentingan membahaskan perkara ini dalam Dewan ini?

Yang Berhormat Haji Wan Abd.Muttalib: Dato' Yang Dipertua, kepentingan sayanya untuk hasrat rakyat. Apa yang saya soalkan tadi kepentingannya - Adakah kelemahan pentadbiran yang memerlukan tempoh selama 30 tahun lebih untuk membuat 'acquisition' atau pun pengambilan balik dan adakah ini semata-mata untuk kepentingan Kuari Hamparan Bumi, ini saya soalnya.

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Ahli Yang Berhormat kena dengar baik-baik - Kepentingan orang seorang yang membawa kes ini kepada rakyat, adakah ini lebih baik daripada kepentingan seribu penduduk lebih daripada dua buah kampung yang dijalankan oleh pihak Kerajaan?

Yang Berhormat Haji Wan Abd.Muttalib: Dato' Yang Dipertua, bukan kepentingan saya dalam hal ini, saya kata kepentingan sayanya ialah kepada rakyat.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua: Rakyat yang satu orang?

Yang Berhormat Haji Wan Abd.Muttalib: Bukan satu orang, hak tuan tanah, yang arif.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua: Yalah, hak tuan tanah itu seoranglah.

Yang Berhormat Haji Wan Abd.Muttalib: Hak tuan tanah, ini hak dia tidak boleh hendak cabul-cebuli, tiga puluh tahun lebih di cabuli. Soalannya - Apakah Yang Amat Berhormat sedar satu surat ugutan dibuat oleh Pejabat Tanah kepada tuan tanah sendiri yang mempunyai hak di bawah Undang-Undang.

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Tidak sedar, Dato' Yang Dipertua.

4 Mei 1986

Yang Berhormat Haji Wan Abd.Muttalib: Adakah setelah soalan ini dibawa, Yang Amat Berhormat atau pun Kerajaan tidak menyasat kepada Pejabat Daerah?

Yang Berhormat Haji Salleh bin Mohamad: Yang Berhormat Dato'Yang Dipertua, penjelasan - Ini menyasat ini biasanya diambil berat oleh Lawyer, jadi kita ini kalau tidak ada pengaduan, tidak ada penyasatan, macam juga "tidak ada hujan, tidak ada banjir"...[KETAWA]...

Yang Berhormat Haji Wan Abd.Muttalib: Ini jawapan resmikan Dato' Yang Dipertua? ...[KETAWA]...

Yang Berhormat Haji Salleh bin Mohamad: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau hendak tahu sejauh mana resminya ini, berjumpa di Kedai Binjai pun tidak apa untuk makan rojok...[KETAWA]... Perbicaraan itu kita dapat banyak sedikit duit itu kita boleh belanja sedikit, janganlah kedekut sangat.

Yang Berhormat Haji Wan Abd. Muttalib: Dato' Yang Dipertua, ada tempat dan ada masa untuk bergurau senda tetapi ada bendanya peratoran-peratoran yang ...

Yang Berhormat Haji Salleh bin Mohamad: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan - Jadi kalau Yang Berhormat sanggup menuduh sesuatu perkara kepada orang lain maka kenapa Yang Berhormat sendiri tidak sanggup menerima tuduhan orang lain? Itu, ada masa kita kata kepada orang, ada masa orang kena kekita, jadi kita kena ingat jangan "Kuman di seberang laut nampak, gajah dibibir mata tidak nampak", Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

Yang Berhormat Haji Wan Abd.Muttalib: Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua - Kita bercakap dengan orang yang tidak tahu Peratoran, susah ...

Yang Berhormat Haji Salleh bin Mohamad: Dato' Yang Dipertua, penjelasan - Jadi saya lebih daripada tahu, jadi nombor satu tahu yang tahu dekat itu kena waris dengan Yang Berhormat ini sebab itu tahu dekat sangat tetapi oleh sebab dia itu lain dia sifatkan saya ini berbalah dengan dia, yang sebenarnya tidak, dia selalu mengambil fasal hal saya. Terimakasih, Dato' Yang Dipertua.

Yang Berhormat Haji Wan Abd.Muttalib: Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua, saya harap Dato' Yang Dipertua mempunyai satu

4 Mei 1986

bidang kuasa dan tahu Peratoran-peratoran Dewan. Soalan sayanya - Adakah Yang Amat Berhormat sedar, sebagai Ketua Kerajaan, bahawa satu surat ugutan dibuat kepada tuan tanah semata-mata untuk memberi keselisaan kepada Kuari Hamparan Bumi melintasi jalan individu "private land". Dan saya katanya, jawapan yang diberi "tidak sedar". Saya telah memberitahu kepada Yang Amat Berhormat bahawa soalan saya ini diberi notis 21 hari, tidakkanlah Kerajaan tidak usaha untuk meneliti dengan Pegawai Daerah?

Yang Amat Berhormat Dato'Menteri Besar: Dato' Yang Dipertua, apa yang telah diberi tahu oleh Ahli Yang Berhormat, seolah-olah Kerajaan menjaga kepentingan sebuah kuari. Sebenarnya saya jelaskan tadi, kita menjaga kepentingan orang ramai sebab itu ujudnya kuari ini dalam tahun lapan puluhan dan Kerajaan telah memberi untuk membaiki jalan ini dalam tahun 71. Oleh kerana orang ini nampak ada kuari maka dia buat fasal yang pada mulanya telah memberi kelulusan secara sukarela bagi laluan orang di sana tetapi akhir sekali oleh kerana dia nampak kuari ada dan ada peluang untuk dapat duit dia buat fasal dan sebab itu Kerajaan mengambil perjalanan untuk mengambil balik tanah supaya tidak mengganggu orang-orang dua buah Kampong-Kampong Wau dan sebagainya untuk lalu lalang di situ.

Yang Berhormat Haji Wan Abd.Muttalib: Soalan sayanya, Dato' Yang Dipertua - Saya dimaklumkan, ini dokumen Kerajaan, saya dimaklumkan bahawa surat itu ditujukan untuk kepentingan Kuari Hamparan dan ugutan kepada tuan tanah itu semata-mata untuk memberi keselisaan, kesenangan, kemudahan kepada Kuari Hamparan. Apakah kepentingan Kerajaan, soalan saya?

Yang Amat Berhormat Dato'Menteri Besar: Saya dah jawab, saya kata "tidak sedar" bahawa ada ugutan sebagaimana - sebab Kerajaan tidak pernah memberi ugutan kepada orang.

Yang Berhormat Haji Wan Abd.Muttalib: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang kedua -

"Berapakah perbelanjaan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu bagi menyambut persidangan PATA?"

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Dato' Yang Dipertua, sebenarnya tidak ada persidangan PATA di Negeri Terengganu ini.

4 Mei 1986

Yang Berhormat Haji Wan Abd. Muttalib: Soalnya, Dato' Yang Dipertua, perbelanjaan yang ditumpukan untuk menyambut persidangan itu, bukannya bersidang di sini, untuk menyambut sahaja.

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Dato' Yang Dipertua, saya jawab atas soalan yang telah dikemukakan. Soalnya berbunyi - "Berapakah perbelanjaan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu bagi menyambut persidangan PATA?" PATA di adakan di Kuala Lumpur bukan di Kuala Terengganu sebab itu tidak ada belanja yang terlibat dengan persidangan ini.

Yang Berhormat Haji Wan Abd. Muttalib: Dato' Yang Dipertua, mungkin Yang Amat Berhormat seorang Ahli Bahasa tetapi kedaifan Bahasa itu jelas bahawa perbelanjaan ini ditanyakan berkait dengan sambutan, menyambut Persidangan PATA itu tetapi kalaulah sekiranya Yang Amat Berhormat telah sampai ke peringkat tahap Ahli Bahasa yang begitu tinggi, saya pun tidak ada apa-apalah... [KETAWA]...

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua: Nampaknya itulah sahaja soalan-soalan lisan untuk hari ini.

4 Mei 1986

USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS

Meminda Peraturan-Peraturan dan
Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri

Yang Berhormat Dato' Haji Abu Bakar bin Daud: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya pohon izin untuk mengemukakan satu Usul yang berbunyi -

"Bahawa menurut fasal 42 Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama) Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN bersetuju meminda Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri bagi Negeri Terengganu seperti pindaan yang dibentangkan dalam Kertas Kerja D.U.N. Bil. 6/86 dengan kuatkuasa serta merta."

Sekian, saya kemukakan Dato' Yang Dipertua.

Yang Berhormat Encik Hassan: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya menyokong Usul itu.

Oleh kerana tidak ada Ahli Yang Berhormat yang hendak berucap, Usul ini kemudian di hadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujukan dengan suara terbanyak.

USUL INI DI TERIMA.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya ingin tangguhkan Dewan selama 45 minit.

PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.10 PAGI DAN BERSIDANG KEMBALI PADA PUKUL 10.55 PAGI.

4 Mei 1986

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekecilan, mesyuarat disambung semula.

RANG UNDANG-UNDANG

Enakmen Perhutanan Negara
(Penerimaan Pakai) 1986

Bacaan Kali Yang Pertama

Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Sidi: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya memohon izin membawa cadangan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen Untuk Diterima-Pakai Akta Perhutanan Negara 1984 - dibaca bagi kali yang pertama.

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Muda: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya menyokong cadangan itu.

RANG ENAKMEN PERHUTANAN NEGARA (PENERIMAAN PAKAI) 1986
DIBACA KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Sidi: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon izin mengemukakan cadangan supaya Rang Enakmen Perhutanan Negara (Penerimaan Pakai) 1986 dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk diterima-pakai peruntukan-peruntukan Akta Perhutanan Negara 1984 menurut Fasal (3) Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan.

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan perbelanjaan wang tambahan kepada Kerajaan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

Sekian, Dato' Yang Dipertua.

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Muda: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya menyokong cadangan itu.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua, sekarang saya buka untuk bahasan. Adia Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap?

4 Mei 1986

Yang Berhormat Haji Wan Abd.Muttalib: Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, di hadapan kita pada hari ini satu Enakmen bagi membolehkan penerimaan pemakaian kepada satu Akta yang telah terlebih dahulunya diluluskan oleh Parlimen. Ianya sungguhpun menggambarkan satu penyelarasan tatacara pentadbiran hasil-hasil perhutanan dan kuasa-kuasa yang diberi mengikut dengannya, saya dalam usaha ini sukalah menarik perhatian Dewan sepertimana yang kita selalu melihat di dalam peruntukan anggaran hasil bahawa sumber hasil daripada hutan ini merupakan yang kedua terbesar kepada Negeri kita Terengganu. Oleh itu ianya memberi satu gambaran betapa pentingnya sumber hasil daripada perhutanan ini. Dato' Yang Dipertua, saya percaya didalam usaha mengadakan satu pemakaian ke atas Akta ini Kerajaan Negeri di dalam pentadbirannya hendaklah mengadakan kawalan-kawalan yang lebih teratur dan rapi supaya perkara-perkara sepertimana yang pernah berlaku kecurian hutan, kecurian kayu hutan yang dilakukan baru-baru ini walaupun diberitahu kepada kita satu penyiasatan telah dilakukan tetapi ianya belum kelihatan apakah hasilnya ke atas satu penyelewengan atau pun kecurian ke atas hasil hutan ini. Dengan hal yang demikian, Dato' Yang Dipertua, Akta ini hendaklah di dalam melakukan pelaksanaan pentadbiran ke atasnya menitik berat perkara-perkara yang berkait dengan hasil dan sumber perhutanan ini.

Dato' Yang Dipertua, selain daripada itu sepertimana yang kita semua faham dan jelas bahawa hasil hutan ini adalah satu hasil yang akan pupus jika sekiranya tidak ada usaha-usaha memajukannya semula atau pun mengadakan "reforestation" atau pun "forest development". Walaupun Akta ini mempunyai peruntukan-peruntukan yang tertentu dengannya tetapi kita masih lihat di dalam melaksanakan usaha-usaha dan di dalam melaksanakan keghairahan projek-projek pada hari ini banyak daripada hutan-hutan kita telah pun diterokai dan dihilangkan kawasan-kawasan perhutanan itu semata-mata untuk pembangunan-pembangunan moden. Kita mesti tahu bahawa sepertimana yang saya katakan tadi hasil perhutanan ini adalah hasil yang akan kehabisan dan jika sekiranya pembukaan tanah yang begitu meluas sekali dan penerokaan hasil perhutanan ini dilakukan semata-mata untuk mencari perolehan jangka pendek yang banyak maka kita dan khususnya Negeri Terengganu ini akan mengalami ketiadaan kayu untuk kegunaan dan kepentingan rakyat sendiri.

4 Mei 1986

Sungguh pun di dalam Akta ini mempunyai peruntukan-peruntukan yang berhubung dengannya, saya ingin menyarankan bahawa di dalam melaksanakan peruntukan Akta itu Kerajaan hendaklah mengambil kira kepentingan-kepentingan kegunaan hasil hutan yang berterusan. Pada hari ini kita lihat hasil daripada pembangunan yang sedang dilakukan sepertimana pembukaan tanah yang khususnya dan yang terbesar melibatkan KETENGAH dan juga yang satu lagi berkait dengan pembinaan Haidro Kenyir yang telah menghilangkan sumber hasil perhutanan yang begitu banyak. Dan walaupun Akta ini mengadakan cara-caranya selepas daripada pelaksanaan yang akan memperuntukkan beberapa persen dari sudut ses hutannya atau pun sumbangan-sumbangan, caruman-caruman kepada forest development atau pun memajukan perhutanan ini saya kira Kerajaan juga mestilah mengambil kira di atas kehilangan hasil hutan yang sepatutnya diberi juga sumbangan daripada perbadanan-perbadanan yang telah diberi lesen atau pun permit bagi membuka dan menerokai hutan-hutan ini yang dengan sendirinya akan menukar wajah hutan-hutan itu kepada satu pengusahaan yang baru atau pun perkampungan yang baru. Selain daripada itu, Dato' Yang Dipertua, sepertimana yang kita lihat dan yang saya katakan tadi pembinaan dan pelaksanaan Projek Haidro Kenyir yang menghilangkan banyak daripada sumber-sumber hutan ini hendaklah juga diambil kira supaya ses yang dikenakan atau pun setengah daripada bayaran yang akan diperolehi oleh Lembaga Letrik Negara ini akan di sumbangkan kembali kepada Kerajaan Negeri sebagai memajukan semula atau pun memberisama di dalam kumpulan ses atau pun kumpulan wang simpanan bagi memajukan perhutanan ini oleh LIN. Saya kira, Dato' Yang Dipertua, perkara-perkara yang seumpama ini hendaklah diambil berat bersama dan difikirkan bersama.

Satu lagi perkara, Dato' Yang Dipertua, yang perlu kita fikirkan berkait dengan perhutanan ini, bukanlah hasil perhutanan ini diambil daripada sudut "return" yang singkat atau pun perolehan jangka masa yang pendek kerana sepertimana yang kita pernah alami dari sudut pentadbirannya pemberian concession hutan, pemberian kawasan-kawasan pembalakan ini diberi kepada mereka-mereka yang tertentu yang dikerjakan semata-mata untuk mendapat perolehan jangka singkat dan tidak ada kemajuan yang berterusan atau pun tidak ada industri yang berterusan daripada perusahaan pembalakan itu dan mereka-mereka ini ialah mereka-mereka yang dianggap sebagai samada berkerja dan berusaha sebagai Ali-Baba sahaja atau pun usaha-usaha pembalakan yang tidak memberi satu pengkalan perindustrian atau pun perindustrian yang berpanjangan berkait dengan memajukan sumber-sumber hasil hutan ini. Oleh yang

4 Mei 1986

demikian, Dato' Yang Dipertua, saya kira adalah satu perkara yang perlu difikirkan dan penting difikirkan supaya apa jua permit atau pun lesen yang diberi berkait dengan pembalakan atau pun pengeluaran hasil hutan ini diambil kira sama kepada industri-industri yang akan mengekalkan dan meneruskan penghayatan industri daripada kayu kayan yang dikeluarkan daripada hutan itu dan bukanlah sekadar untuk mendapat perolehan jangka pendek bagi memberi imbohan kepada mereka-mereka yang pernah memberi beberapa kerja dalam masa Pilihanraya dan sebagainya.

Dato' Yang Dipertua, oleh itu adalah wajar di dalam kita menerima Akta yang bertujuan bagi menyelaraskan pentadbiran dan kawalan Perhutanan bagi seluruh negara ini difikirkan hujjah-hujjah yang telah saya kemukakan itu.

Sekian, Wassalamualaikum.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua: Ada lain-lain Ahli yang ingin bercakap? Tidak ada - ada jawapan?

Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Sidi: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya pohon izin untuk memberi sedikit penjelasan berhubung dengan pandangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat daripada kawasan Batu Buruk sekejap tadi.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pihak Kerajaan memang sentiasa dari semasa ke semasa mengadakan kawalan yang lebih teratur dan lebih rapi bagi menentukan supaya peristiwa-peristiwa yang telah berlaku pada masa yang lalu tidak akan berulang lagi. Menyentuh mengenai apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Batu Buruk tentang peristiwa kecurian yang berlaku, pihak Kerajaan telah mengambil langkah dan tindakan sedang diambil untuk mengambil tindakan kepada mereka yang bertanggungjawab.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memanglah sukar untuk kita mengambil tindakan segera kepada mereka-mereka yang telah melakukan kesalahan mencuri kayu-kayu balak di kawasan-kawasan hutan kita kerana kerja yang dilakukan ini amat lincin dan tersusun kerana kita sedia maklum hendak mencuri benda yang begitu besar yang tidak boleh disimpan dalam pocket seluar atau pun dalam kain memanglah memerlukan satu kerja ataupun satu usaha, satu perancangan yang begitu lincin daripada orang yang melakukannya. Jadi saya memberi jaminan kepada Yang

4 Mei 1986

Berhormat daripada Kawasan Batu Buruk insyaallah perkara yang seumpama ini tidak akan berlaku lagi di masa hadapan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pihak Kerajaan memang telah melakukan usaha untuk memajukan semula kawasan-kawasan yang telah dikeluarkan balak oleh Pelesen-pelasesen dengan kita menyediakan peruntukan-peruntukan bagi memulihkan semula kawasan-kawasan yang telah diteroka oleh pembalak-pembalak tersebut. Dengan itu dapat menentukan bahawa bekalan balak ini akan berterusan dan akan dinikmati oleh generasi-generasi di masa hadapan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, menyentuh mengenai saranan daripada Yang Berhormat daripada Batu Buruk yang menyatakan bahawa Kerajaan haruslah berhati-hati dalam membangunkan kawasan-kawasan hutan untuk pembangunan-pembangunan moden. Oleh kerana kawasan yang dibangunkan ini tidak akan dapat diganti dan ianya akan terus hilang. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kawasan-kawasan pembangunan moden yang telah kita rancangkan juga untuk faedah rakyat. Misalnya di kawasan KETENGAH dan juga Empangan Kenyir di Hulu Terengganu. Kedua-dua projek besar ini dibangunkan adalah semata-mata bertujuan untuk kepentingan negeri dan juga kepentingan rakyat. Kerajaan memang mengambil kira dalam melaksanakan satu-satu projek yang besar bahawa ianya akan menentukan bahawa kita tidak akan kehilangan terus kawasan-kawasan hutan yang amat berharga kepada kita.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, menyentuh mengenai pembangunan Projek Raksaksa Hidro yang mana pihak Kerajaan Negeri telah pun mengadakan perundingan-perundingan lanjut dengan pihak LIN supaya kerugian yang telah dialami oleh pihak Kerajaan Negeri daripada kawasan yang ditenggelami oleh empangan ini supaya pihak Kerajaan Negeri atau pun Kerajaan Negeri Terengganu, pihak Negeri Terengganu juga akan dapat menikmati daripada hasil pembangunan Hidro ini sendiri di masa-masa hadapan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, menyentuh mengenai pemberian kawasan-kawasan perjanjian, pihak Kerajaan Negeri memang telah menentukan dasarnya bahawa pemberian kawasan-kawasan perjanjian hanyalah diberi kepada mereka-mereka yang menjalankan perusahaan-perusahaan yang berkait secara langsung dengan perkayuan ini dan juga akan memberi peluang kepada pekerjaan kepada rakyat. Saya rasa tidaklah benar dakwaan

4 Mei 1986

pihak Yang Berhormat daripada Batu Buruk mengatakan bahawa pemberian kawasan-kawasan berperjanjian ini adalah untuk perulihan jangka pendek.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, itulah sedikit penjelasan yang dapat saya beri berhubung dengan apa yang telah di sarankan oleh Yang Berhormat daripada Batu Buruk. Sekian, Dato' Yang Dipertua.

Cadangan supaya Rang Enakmen Perhutanan Negara (Penerimaan-pakai) 1986 dibaca bagi kali yang kedua kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujukan dengan suara terbanyak.

RANG ENAKMEN PERHUTANAN NEGARA (PENERIMAAN-PAKAI) 1986
DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG ENAKMEN PERHUTANAN NEGARA (PENERIMAAN-PAKAI) 1986
TELAH DITIMBANGKAN DARI SEFASAL KE SEFASAL DAN TELAH
DIPERSETUJUKAN TANPA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

Yang berhormat Dato' Yang Dipertua: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Sidi: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya memaklumkan Rang Enakmen ini telah di timbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujukan dengan tiada pindaan, saya membawa cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Muda: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya menyokong cadangan itu.

4 Mei 1986

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan diper-setujukan dengan suara terbanyak.

RANG ENAKMEN PERHUTANAN NEGARA (PENERIMAAN-PAKAI) 1986
DIBACA KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi Enakmen Bilangan 1 Tahun 1986.

4 Mei 1986

RANG ENAKMEN UNDANG-UNDANG (TUBUH)
MENTERI BESAR (PINDAAN) 1986

Bacaan Kali Yang Pertama

Yang Berhormat Dato' Haji Abd.Rashid: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya memohon izin membawa cadangan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk meminda Undang-Undang (Tubuh) Menteri Besar, 1951, dibaca bagi kali yang pertama.

Yang Berhormat Encik Abdullah bin Mohamad: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya menyokong cadangan itu.

RANG ENAKMEN UNDANG-UNDANG (TUBUH) MENTERI BESAR
(PINDAAN) 1986 DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

Yang Berhormat Dato' Haji Abd.Rashid: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon izin mengemukakan cadangan supaya Rang Enakmen Undang-Undang (Tubuh) Menteri Besar (Pindaan) 1986 dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-Undang itu, Dato' Yang Dipertua, memasukkan satu seksyen baru, iaitu 4A, ke dalam Undang-Undang (Tubuh) Menteri Besar, 1951.

Seksyen 4A mewujudkan kuasa am Tubuh di dalam melakukan apa-apa perkara dan membuat apa-apa transaksi bagi memudahkan Tubuh itu menjalankan kewajipannya dengan betul.

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan kewangan tambahan.

Sekian, Dato' Yang Dipertua.

Yang Berhormat Encik Abdullah bin Mohamad: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya menyokong cadangan itu.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua, sekarang saya buka untuk bahasan, ada Ahli-ahli Yang Berhormat ingin berucap?

4 Mei 1986

Yang Berhormat Haji Harun bin Taib: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam kesempatan ini saya ingin mengambil sedikit masa untuk turut serta di dalam perbahasan mengenai Rang Enakmen yang sedang dibentangkan sekarang ini. Saya bila membaca Rang Enakmen ini saya terasa semacam suatu perubahan besar di dalam politik tanah air kita ini berlaku semula. Sepanjang yang kita tahu di dalam sejarah politik dan pemerintahan negara kuasa yang diberi kepada orang-orang tertentu di dalam sesebuah negara itu, kuasa orang perseorangan adalah telah berkurangan sejak akhir-akhir ini lebih-lebih lagi selepas berlaku pemberontakan Perancis yang mana sebelum daripada itu ramai negara-negara yang memakai sistem yang mana kuasakuasa tertentu diserahkan kepada tangan orang-orang perseorangan. Oleh kerana itu amatlah membimbangkan, saya sebagai salah seorang daripada rakyat Negeri Terengganu ini bila suatu kuasa yang sangat besar yang diberikan kepada batang tubuh Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk membuat sesuatu perjanjian atau sesuatu tindakan jual beli yang kemungkinan akan melibatkan harta rakyat Negeri Terengganu ini. Oleh kerana itu saya merasakan Rang Enakmen ini tidak perlu diujud malah di dalam perkembangan dunia hari ini yang kita lihat, hatta setengah-setengah negara mensyaratkan berkuatkuasanya suatu perjanjian antara satu negara dengan satu negara yang lain kadang-kadang setengah-setengah negara itu mensyaratkan terlebih dahulu mendapat pengesahan daripada kuasa-kuasa yang tertentu di dalam negara itu sendiri. Misalnya apabila berlaku perjanjian dua hala di antara satu negara dengan satu negara yang lain ditandatangani oleh negara yang memakai sistem demokrasi berpresiden kadang-kadang tanda tangan presidennya itu tidak boleh berkuatkuasa kecuali telah diluluskan oleh Dewan-dewan Perundangan di dalam negara itu. Atau pun sesuatu tandatangan yang ditandatangani oleh Perdana Menteri umpamanya, di dalam sesuatu negara yang memakai sistem Demokrasi Berparlimen maka kadang-kadang tidak boleh berkuatkuasa melainkan dengan ditandatangani atau disahkan oleh badan-badan yang tertentu dalam negeri itu. Dalam saat perkembangan politik yang seperti itu di seluruh dunia ini untuk mencegah daripada berlakunya pergolakan kuasa di tangan-tangan yang tertentu tetapi Kerajaan Negeri Terengganu telah mengemukakan suatu Rang Enakmen yang amat mencemaskan iaitu memberi kuasa yang terlalu besar kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Terengganu ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita mesti sedar bahawa kuasa yang diberikan kepada seseorang walaupun dia itu

4 Mei 1986

Menteri Besar, haruslah dapat dikawal sebab itu tidak seharusnya Rang Enakmen ini di ujudkan. Kalau kita mengikut Islam, di dalam perkembangan politik Islam itu sendiri kita lihat suatu tugas kepada pihak-pihak yang tertentu di mana kuasa untuk membatalkan atau menyekat pembolotan kuasa ini mesti diujudkan. Banyak hal yang saya rasa di dalam Rang Enakmen ini yang berlawanan bukan sahaja dengan kehendak-kehendak kemajuan politik dan pentadbiran Negara di zaman ini tetapi juga mengikut Islam sendiri tidak sepatutnya diberi kuasa yang begitu kuat, yang begitu luas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Terengganu ini. Saya bimbang pada satu ketika banyak tanah-tanah kita yang terjual, tanah-tanah kita yang tergadai, tanah-tanah rakyat dengan rakyat tidak mempunyai apa-apa kemampuan atau kuasa untuk membatalkannya, kalau Rang Enakmen ini diluluskan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, apakah gerangnya keadaan politik Negara kita ini akan berubah daripada kuasa suatu pemerintahan secara demokrasi yang mana setiap kuasa itu boleh diawasi dan dijagai daripada dia terus menyeleweng atau terus terbabas begitu banyak atau pun tran sekarang ini bahawa bermula dengan Kerajaan Negeri Terengganu ini mengajak rakyat supaya memikirkan suatu cara pemerintahan yang lain "ala kuku besi" atau kuasa diserahkan kepada orang-orang yang tertentu sahaja. Barangkali "Kuasa Hitler" hendak diujudkan semula di dalam negeri kita ini walaupun pernah "Hitler" ini dilemparkan tuduhan kepada orang lain, barangkali Hitler, barangkali hendak diujudkan di dalam pemerintahan Kerajaan Negeri Terengganu ini. Saya rasa sedikit itu yang saya sampaikan, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun pada pagi ini untuk sama-sama mengambil bahagian di dalam membahaskan Rang Undang-Undang yang dikemukakan oleh pihak Kerajaan berhubung dengan suatu pindaan kepada Akta Menteri Besar sebagaimana yang telah di terangkan oleh sahabat saya daripada Manir yang akan mempunyai implikasi yang besar kepada Negeri Terengganu ini di masa yang akan datang. Semua kita yang berada di dalam Dewan ini tertanya-tanya kenapakah suatu tambahan kuasa itu diperlukan. Apakah kuasa yang ada sekarang ini tidak mencukupi untuk dilakukan oleh pihak Kerajaan di dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan kepada Kerajaan bagi melahirkan kesejahteraan dan kenakmoran khususnya kepada rakyat dalam negeri ini. Dan tambahan kuasa yang diberikan kepada Menteri Besar ini

4 Mei 1986

merupakan suatu tambahan yang tidak pernah dan belum pernah berlaku di dalam sejarah Negeri Terengganu ini. Jika saya boleh quote apa yang disebut sebagai tambahan kuasa yang diberikan kepada Menteri Besar ini yakni tambahan 4A kepada seksyen 4 yang sedia ada itu di mana ianya berbunyi - "The Corporation shall have power to do anything and to enter into any transaction .." dan seterusnya. Bila kita menyebut bahawa "The Corporation shall have power to do anything" ertinya apa sahaja yang dimungkinkan dari segi untuk bertindak berhubung dengan "transaction" ini akan dilakukan oleh Menteri Besar tanpa perlu di rujuk lagi kepada pihak-pihak yang lain. Walaupun kita menyedari bahawa di dalam melaksanakan tugas untuk membangunkan negeri ini banyak Perbadanan-perbadanan dan Yayasan-yayasan yang telah ditubuhkan di dalam negeri ini misalnya Yayasan Terengganu, Yayasan Islam dan lain-lain tetapi semua Yayasan-yayasan ini mempunyai Lembaga Pengarahnya yang inilah yang merupakan "check and balance" nya kepada kuasa yang ada dan tidak pernah diberikan kuasa ini kepada seorang manusia. Dan oleh kerana itu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kebimbangan bukan sahaja kami yang berada dalam Pembangkang ini merasakan kebimbangan tetapi jika Akta ini diketahui oleh rakyat maka saya yakin rakyat yang bimbang bahawa kuasa yang begitu besar diberikan kepada Menteri Besar ini merupakan suatu kebimbangan yang akan dinyatakan sendiri oleh rakyat jika ianya diketahui oleh rakyat.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Kerajaan boleh mengatakan bahawa kami kemukakan ini...

Yang Berhormat Haji Salleh bin Mohamad: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Undang-Undang yang dibuat oleh Kerajaan ini memang hendak suruh rakyat tahu oleh sebab itu digazettee. Apakala digazettee, semua rakyat tahu.

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali: ... Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tahu setelah dilulus - tahu sebelum di lulus ini lain dan kalau tahu setelah dilulus, tidak ada apa lagi yang dapat dibuat. Walaupun alasan Kerajaan boleh mengatakan bahawa suara yang kami dapat ialah suara rakyat...

Yang Berhormat Mulia Dato' Haji Tengku Mahmud: Tuan Yang Dipertua, penjelasan - saya ingin memberi penjelasan sedikit, tentang apakah Yang Berhormat bercakap ini atas nama Menteri Besar Ketua Kerajaan Negeri kah atau sebagai corporation sahaja, sebagai satu perbadanan? Kerana apa yang Yang

4 Mei 1986

Berhormat bercakap itu atas nama Menteri Besar. Ini bukan atas nama Menteri Besar, atas nama corporation sahaja, atas nama syarikat, perbadanan.

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali: ... Saya lebih tahu daripada ExCo, Wakil daripada Setiu tentang erti corporation. Yang saya menyebut ini corporation itu memberikan kuasa, kuasa Corporation Menteri Besar itu ertinya Menteri Besar mempunyai kuasa. Saya telah menyebut perbandingan antara Corporation ini dengan Yayasan-yayasan Islam, Yayasan-yayasan Terengganu yang mempunyai Lembaga Pengarahnya, yang mempunyai "Check and Balance" dalam melaksanakan tugas tetapi kuasa yang akan di berikan ini jika ianya diluluskan akan merupakan suatu kuasa yang besar yang diberikan kepada Menteri Besar Negeri Terengganu. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sekali pun Kerajaan boleh mengatakan bahawa Kerajaan yang ada hari ini ialah Kerajaan yang mewakili rakyat dan kerana rakyat telah memberikan kepercayaan kepada Kerajaan di dalam pilihanraya yang telah lalu maka ianya adalah suatu tindakan yang halal dilakukan oleh Kerajaan atas nama suara rakyat itu. Tetapi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita perlulah menyedari bahawa tidak semua perkara yang dilakukan oleh pemerintah dirujukkan setiap kali kepada rakyat dan inilah kebimbangan kepada kita siapa pun yang menjadi Menteri Besar itu, mungkin Menteri Besar yang akan datang ini bukan Menteri Besar yang ada sekarang, sekali pun demikian kuasa Menteri Besar itu tidaklah seharusnya diberikan begitu luas yang memungkinkan bahawa ia akan bertindak dan melakukan sesuatu yang sesuka hatinya di dalam melaksanakan tugas sebagaimana yang disebut di dalam pindaan yang dikemukakan pada hari ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bimbang bahawa usaha-usaha yang sedang dijalankan sekarang ini merupakan suatu tindakan untuk menjadikan Dewan ini sebagai alat untuk menghalalkan tindakan yang akan dilakukan oleh Kerajaan menggunakan sistem "Parliamentary Democracy", menggunakan Dewan ini bagi menuju kepada suatu sistem "Parliamentary Dictatorship" yang akan memberikan kuasa yang terlalu banyak kepada orang-orang tertentu dalam melaksanakan tugas ini, inilah kebimbangan yang ada kepada kami sebab pengalaman-pengalaman masa lalu di dalam melaksanakan tugas-tugas yang seperti ini saya mempunyai bukti dan saya yakin bahawa banyak tindakan-tindakan yang dilakukan pada masa-masa yang telah lalu dengan kuasa yang terhad tetapi digunakan sedemikian rupa untuk melakukan penyelewengan terhadap duit rakyat dalam

4 Mei 1986

negeri ini. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dengan kuasa yang terhad telah berlaku penyelewengan-penyelewengan dalam Negeri ini, apa lagi jika kekuasaan itu bertambah, bertambah luas diberikan kepada seseorang manusia maka kebimbangan kita penyelewengan akan lebih banyak berlaku yang akan menyebabkan wang rakyat dalam negeri ini akan tidak dilakukan sebagaimana yang sepatutnya yang boleh membawa kesejahteraan kepada rakyat.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pengalaman-pengalaman yang telah lalu, keputusan-keputusan yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri dalam melaksanakan tugas itu menggambarkan berlakunya tindakan itu tidak berdasarkan kepada asas yang rational, yang benar-benar menuju kepada untuk membangunkan masyarakat dan rakyat dalam negeri ini. Contoh, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini contoh kecil yang saya ambil - Suatu kelulusan, yang diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, meluluskan suatu peruntukan yang kecil dari segi angkanya, \$10 ribu kepada Masjid Wakaf Mempelam sedangkan masjid itu dibaiki dengan secara gotong royong tetapi Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah meluluskan peruntukan yang diminta oleh Setiausaha Masjid itu kerana dia seorang UMNO dan disokong oleh Setiausaha UMNO Bahagian Kuala Terengganu, disahkan oleh Wakil Rakyat Kawasan Ladang dan diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Ini suatu contoh Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bagaimana penyelewengan duit rakyat ini dilakukan oleh Kerajaan Negeri ini dan khususnya oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, dalam keadaan kuasa yang terhad yang diberikan kepada beliau. Oleh kerana itu jika kuasa yang lebih besar diberikan kepada Kerajaan, diberikan kepada Menteri Besar maka saya bimbang penyelewengan-penyelewengan yang lebih besar akan berlaku dalam Negeri ini dan oleh kerana itu saya menyatakan, bagi pihak kami dan bagi pihak rakyat saya menyatakan Undang-Undang dan pindaan-pindaan ini tidak perlu diluluskan yang memungkinkan Menteri Besar mempunyai kuasa yang terlalu banyak dan saya mengharapkan pada hari ini bukan sahaja kami daripada Pembangkang yang menentang Rang Undang-Undang ini tetapi daripada kalangan "back-bancher" daripada Kerajaan sungguh jika mempunyai "conscience" mempunyai "dhomir" untuk membangunkan masyarakat, untuk membangunkan rakyat mereka harus menentang pindaan yang akan dibuat ini, jika mereka juga menyokong pindaan ini maka jelaslah seluruh "back-bancher" Kerajaan akan menjadi "yes-man" kepada Menteri Besar yang sedang memerintah negeri ini, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Terimakasih.

4 Mei 1986

Yang Berhormat Haji Wan Abd.Muttalib: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya berdiri untuk menentang Rang Enakmen pindaan ini di atas beberapa hujjah yang akan saya kemukakan, insyaallah.

Yang pertama sekali saya ingin menjelaskan kepada Dewan apakah Enakmen yang asalnya berbunyi. Enakmen asal ini fasal 3 nya berbunyi -

"The Officer for the time being discharging the duties of Menteri Besar, and his successors in Office, shall be a body corporate under the name of "Menteri Besar, Terengganu" (hereinafter called "The Corporation")."

Jadi, ini Dato' Yang Dipertua, sekali gus menjelaskan apa yang dipertikaikan oleh Yang Berhormat ExCo daripada Setiu tadi yang mengatakan bahawa tujuan yang dipanggil Corporation ini ialah Corporation, bukannya batang tubuh Menteri itu. Tetapi fasal 3 ini menjelaskan dengan sejelas-jelasnya Pegawai yang pada masa itu memegang jawatan Menteri Besar hendaklah di anggap dan diterima sebagai satu corporation, satu badan. Dan di dalam Enakmen asal ini tidak memberi cara-cara bagaimana corporation ini mesti mentadbirkan kuasa-kuasanya itu dan jika sekiranya kita baca daripada semangat Enakmen asal ini ianya hanyalah memberi peruntukan-peruntukan yang tertentu di mana harta-harta Kerajaan yang selayaknya dan sepatutnya di daftarkan dengan nama Menteri Besar sahaja tetapi bukanlah dengan cara pindaan ini, kerana cara pindaan ini akan menggambarkan bahawa corporation yang diperkatakan dalam pindaan ini yang memberi kuasa seolah-olah ianya sebagai satu perbadanan perniagaan atau pun sebagai sebuah syarikat yang di daftarkan di bawah Akta Syarikat, Dato' Yang Dipertua. Oleh itu kalau kita baca peruntukan kepada Enakmen Pindaan ini

"The Corporation shall have power to do anything and to enter into any transaction (whether or not involving expenditure, borrowing, guaranteeing or transacting all kinds of guarantee business, granting of loans or investment of money, acquisition, use and disposal of any movable or immovable property, including vehicles and vessels, or rights) which in their opinion is calculated to facilitate the proper discharge of their duty or is incidental or conducive thereto."

Dato' Yang Dipertua, pemberian kuasa yang dihasratkan di bawah Enakmen Pindaan ini adalah satu kuasa absolute, suatu

4 Mei 1986

kuasa yang total yang akan diberi kepada batang tubuh yang di panggil Pegawai yang pada masa itu dipanggil "Menteri Besar" yang juga di kenali sebagai Corporation. Dan dengan terlaksananya pindaan ini maka apa-apa jua urusan Kerajaan Negeri boleh diletakkan di bawah Corporation ini dan dilakukan tindakannya tanpa dirujuk kepada mana-mana Badan dan tidak ada di dalam Enakmen Asal ini cara-cara untuk mengawas, mengendali atau pun menjaga kawalan ke atas akaun dan sebagainya. Dan saya percaya, Dato' Yang Dipertua, kalaulah Kerajaan akan memberi jawapannya, ini adalah ekoran daripada ura-ura untuk menubuhkan satu tabung yang dikenali atau pun yang di istiharkan "Tabung Warisan", "Tabung Menteri Besar" dan berbagai-bagai yang dipanggilkan oleh Ahli-ahli Politik dan juga Pegawai-pegawai Kerajaan khususnya Pegawai Kemajuan Negeri, satu ketika.

Dato' Yang Dipertua, kalaulah ini yang dihasratkan dan ada kenyataan-kenyataan yang telah diberi bahawa peruntukan daripada hasil royalti PETRONAS itu telah pun diperuntukkan simpanannya bagi dilaburkan di dalam Tabung Menteri Besar, Terengganu, jika sekiranya itu adalah ucapan yang benar yang saya kira yang pernah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu atau pun Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu (Pembangunan) yang membuat satu ucapan yang mengatakan hasil royalti minyak ini akan dilaburkan dalam satu Tabung Warisan Terengganu atau pun Tabung Menteri Besar Terengganu. Jika sekiranya inilah hasrat yang dituju dan di tumpu pada hari ini saya kira masanya pun bukanlah masa yang sesuai kerana tumpuan perolehan itu adalah semata-mata daripada royalti minyak yang dinyatakan sebagai untuk menjaga bagi rakyat masa hadapan dan sekarang ini kita lihat untuk pembangunan pun hasil royalti minyak ini kita terpaksa mengulangujanya.

Dato' Yang Dipertua, kuasa yang hendak diberi kepada Corporation atau pun Menteri Besar ini adalah satu kuasa yang begitu besar, meluas dan absolute.

Yang keduanya, kuasa-kuasa ini sepertimana yang dibrocketkan di dalam Rang Enakmen ini yang dengan sendirinya menyatakan bahawa Corporation atau pun Menteri Besar ini berhak dan layak dan boleh meluluskan bukan sahaja pinjaman atau pun menerima pinjaman bahkan boleh menjadi guarantor, boleh menjadi penjamin kepada sesiapa sahaja, kepada mana-mana Perbadanan samada Swasta atau pun Kerajaan dan ini adalah satu kuasa yang

4 Mei 1986

terlalu luas dan tidak mempunyai "checks and balance" tidak mempunyai kawalan dan konterolnya ke atas kuasa yang akan diberi kepada Menteri Besar ini. Dato' Yang Dipertua, sehubungan dengan ini saya ingin menjelaskan kepada Dewan bahawa Menteri Besar Terengganu juga telah terlibat dengan penyerahan hak di atas sumber hasil yang dipanggil Petroleum di bawah "Petroleum Development Act" di mana Menteri Besar telah menyerahkan kuasa dengan satu perjanjian bahawa hasil petroleum atau pun hasil yang merupakan petroleum ini akan selama-lamanya, "in perpetuity - shall be handed or vested in PETRONAS" akan diserahkan kepada PETRONAS samada hasil sumber minyak ini dijumpai di dasar lautan, di permukaan pantai atau pun di daratan. Ini dalam keadaan bahawa Dewan ini perlu diberitahu dan perlu di maklumkan tetapi jika sekiranya kuasa ini diletakkan kepada Menteri Besar, dan mengikut kaedah ini Menteri Besar berhak di dalam kuasa ini membuat apa sahaja perbuatan dan dengan kuasa ini tentulah tanpa pengetahuan Dewan sekali pun, tanpa pengetahuan Dewan ini Menteri Besar atau pun apa yang dipanggilkan Menteri Besar Corporation ini berhak dan berkuasa, tidak ada siapa dan tidak ada Undang-Undang yang boleh menyoalkannya, yang boleh menghalangnya daripada membuat perkara-perkara yang tersebut. Dato' Yang Dipertua, sehubungan dengan itu juga saya ingin mengingatkan Dewan, kalaulah kita baca Laporan akhir yang dibuat oleh Tan Sri Ahmad Nordin berkait dengan Scandle BMF menjelaskan antara lain - "Bahawa penyiasatan itu mengalami kesulitan untuk menentukan, mengenalpasti kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh kerana orang yang berkuasalah yang telah menyelewengkan, yang telah menjadi sumber penyelewengan dan mereka-mereka ini tidak memberi kerjasama maka Jawatankuasa tidak dapat membuat apa-apa oleh kerana mereka pada masa itu masih lagi berkuasa dan masih lagi menyembunyikan maklumat-maklumat yang dikehendaki oleh Jawatankuasa Penyiasat. Ini telah dilahirkan dan dijelaskan oleh Tan Sri Ahmad Nordin di dalam Laporan Scandle BMF yang terakhir, Dato' Yang Dipertua. Dan jika sekiranya, Dato' Yang Dipertua, kuasa ini diberi dan berterusan yang dikatakan "to enter into any transaction" selain daripada untuk membuat apa sahaja yang difikirkan perlu di dalam pemikirannya yang tersendiri yang tidak menyatakan di dalam Enakmen yang asal ini bahawa Corporation ini mestilah mempunyai Ahli-ahlinya yang begian-begian, atau pun mempunyai peratoran-peratoran yang begini, begini, sebelum sesuatu perkara itu dilakukan tetapi ianya pada hari ini dengan terlaksananya pindaan kepada Rang Enakmen ini ianya akan memberi satu kuasa yang luas di mana Menteri Besar dengan

4 Mei 1986

usahanya sendiri dan dengan "opinion" dengan pendapatnya sendiri boleh melakukan apa jua yang difikirkan tanpa perlu di rujuk kepada ExCo atau pun sesiapa sahaja kerana ianya akan sah mengikut Undang-Undang yang diluluskan. Oleh yang demikian, Dato' Yang Dipertua, saya sekeras-kerasnya membantah kelulusan Rang Enakmen ini, Terikmaksih.

Yang Berhormat Haji Ahmad Kasim: Bismillahirrahmanirrahim - Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mengucapkan terimakasih kerana diberi izin untuk berucap mengenai Enakmen untuk meminda Undang-Undang (Tubuh) Menteri Besar.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tanpa dipengaruhi oleh Pembangkang dan mana-mana pihak saya menyokong penuh supaya Enakmen ini dipinda iaitu meminda Undang-Undang (Tubuh) Menteri Besar. Sebenarnya sekarang sudah sampai masanya kita memindahkan Undang-Undang ini kerana walaupun hari ini kita mengamalkan pemerintahan secara demokrasi tetapi bentuk demokrasi yang diamali oleh setengah-setengah golongan sudah pun menyeleweng. Langkah-langkah ini mungkin akan merosakkan golongan-golongan atau pun rakyat di negeri ini sendiri. Kita boleh mencontohi kedudukan pada masa sekarang ini umpamanya bagi Negeri Terengganu boleh dikatakan majority penduduk Negeri Terengganu ialah 95% dan 95% ini adalah terdiri daripada golongan-golongan yang masih berpendapatan rendah dan bukan sahaja dari segi pendapatan, ada setengah-setengah kampung dan di pendalaman menghadapi masalah-masalah kemudahan-kemudahan infrastruktur atau pun kemudahan asas untuk hidup yang lebih selesa masih lagi diperlukan tetapi dalam saat-saat yang seperti ini, dalam keadaan rakyat yang majoritinya memerlukan kepada pertolongan dan kerjasama daripada Kerajaan maka ada orang-orang, pemimpin-pemimpin Melayu sendiri yang sanggup menentang bahawa apa juga hak istimewa yang perlu diberi kepada orang Melayu itu tidak wajar...

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan - Apa benda kena mengena dengan Akta ini?

Yang Berhormat Haji Ahmad Kasim: ... Makasudnya, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita memerlukan suatu kuasa, kuasa yang boleh menolong kepada rakyat dari segi mengubah nasib rakyat di negeri ini sendiri. Saya mencontohi dalam soal ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, umpamanya dalam usaha Kerajaan untuk memberi kemudahan kepada rakyat dari segi

4 Mei 1986

kemudahan asas seperti jalanraya dan sebagainya yang melibatkan tanah dan sebagainya tetapi ada golongan-golongan yang tidak sanggup memberi kemudahan kepada rakyat untuk mengambil sesuatu tanah ataupun sebagainya untuk membuat kemudahan kepada rakyat. Dalam soal ini maka perlu kita mendapatkan suatu kuasa untuk memberi kemudahan, meminta supaya kehendak-kehendak rakyat ini dapat ditunaikan dan juga dalam hal-hal yang berhubung dengan mana-mana pertolongan samada dari segi kewangan dan sebagainya.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pada hemat saya orang yang tidak amanah sahaja yang sentiasa mencurigai sesuatu kuasa yang diberi kepada sesuatu badan dan saya percaya bagi Kerajaan Barisan Nasional yang sentiasa mempunyai kepercayaan kepada Ketuanya dan juga sentiasa memberi amanah bahawa beliau dapat menjalankan tugas dengan betul, sebab itulah kita bagi pihak "back-bancher" memang tidak meragui dengan Kerajaan yang ada hari ini kerana Kerajaan yang ada hari ini memanglah sebuah Kerajaan yang benar-benar untuk memberi pertolongan dan juga kemudahan kepada rakyat dari semasa ke semasa. Jadi saya rasa atas kehendak Yang Berhormat Wakaf Mempelam sehingga mengatakan kami sebagai "back-bancher" sebagai "yes-man" itu amat tidak sekali kerana kita tahu di mana tempat kita perlu membangkang dan di mana tempat kita perlu sokong. Bagi pihak Pembangkang kita percayalah, ini adalah golongan orang yang tidak berpuashati dan apa juga yang dibuat oleh Kerajaan samada perkara itu baik untuk kepentingan rakyat mereka tetap bangkang kerana mereka bimbang pengaruh-pengaruh rakyat akan lari dari sokongan mereka.

Sekian, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

Yang Berhormat Haji Ismail Alfalah: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin mengambil bahagian sedikit masa untuk menyokong Usul ini yang mana pada mulanya tidak begitu tertarik saya memberi pandangan tetapi setelah mendengar hujjah-hujjah yang kurang elok maka saya rasa perlu untuk memberi pendapat saya di sini. Saya menyokong penuh Usul ini kerana memikirkan bahawa apa jua Undang-Undang yang kita buat di sini di hari ini difikirkan baik maka ianya akan dipakai dan jikalau sekiranya di masa yang akan datang kita dapati perkara-perkara yang akan berjalan dengan berjalanya Undang-Undang ini maka kita masih boleh membaikinya pula. Dan sokongan saya berikan ini apabila kita memikirkan bahawa

4 Mei 1986

satu-satu keputusan yang akan diambilkan oleh pihak Perbadanan ini jikalau ianya dibuat di bawah kuasa Lembaga-Lembaga yang akan mempunyai beberapa orang lagi Ahli-ahlinya sebagaimana yang disebutkan oleh pihak Pembangkang tadi maka sudah barang tentu keputusan-keputusan yang akan dibuat, tindakan-tindakan yang baik yang akan dijalankan oleh pihak Kerajaan khususnya Badan ini untuk menambah atau pun untuk memperbaiki ke atas pendapatan dan segalanya maka sudah barang tentu akan memakan masa dan di dalam perjalanan, perdagangan dan sebagainya kalau ianya berjalan yang memakan masa yang panjang maka sudah barang tentu tindakan-tindakan yang akan dijalankan khususnya dari segi perdagangan dan sebagainya maka sudah barang tentu tindakan yang akan diambil ini terlewat dan sudah barang tentu barangkali peluang-peluang yang pada mulanya berada di hadapan kita akan terlepas begitu sahaja. Maka saya kira jikalau ianya diberi kuasa yang seumpama ini maka sudah barang tentu peluang-peluang yang keemasan ini akan dapat kita perolehi dan akan dapat kita nikmati faedah-faedahnya kemudian hari.

Dan satu lagi perkara yang hendak saya sebutkan di sini, kenapa sokongan ini saya perlu kemukakan ialah orang yang kita beri kuasa ini adalah kita percaya bukan setakat setahun ini bahkan berbelas-belas tahun dan mempunyai tindakan-tindakan atau pun pendirian-pendirian, yang memberi kepercayaan kepada kita barangkali bukan sahaja kepada "back bancher" Kerajaan tetapi juga kepada pihak Pembangkang sendiri. Maka sudah sewajarnya sokongan perlu diberi bukan sahaja oleh "back bancher" tetapi juga oleh Pembangkang-pembangkang kerana ianya bukan kuasa yang mutlak yang kekal selama-lamanya untuk diberi. Kerana memikirkan hujjah-hujjah satu daripadanya yang telah saya kemukakan tadi perlu kepada tindakan yang cepat di dalam kita mengambil tindakan untuk mencapai faedah-faedah yang tertentu kepada kita, kepada rakyat Negeri Terengganu ini seluruhnya. Maka dengan hujjah-hujjah satu dua tadi yang telah saya kemukakan maka saya memberi sokongan yang bulat, teguh di dalam Usul ini. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua: Sekarang saya beri peluang kepada pihak Kerajaan membuat jawapan.

Yang Berhormat Dato' Haji Abd.Rashid: Dato' Yang Dipertua, saya terlebih dahulu bagi pihak Kerajaan ingin mengucapkan setinggi-tinggi terimakasih kepada Wakil-wakil Manir, Wakil Wakaf Mempelam, Wakil Batu Buruk dan khususnya Wakil Bukit Tunggal dan Wakil Bukit Bandi yang walaupun telah cuba di-

4 Mei 1986

pengaruhi tetapi tetap setia dan patuh serta faham kedudukan-kedudukan semasa, Dato' Yang Dipertua.

Khusus terimakasih saya kepada Wakil Batu Buruk yang telah merujuk hal ini kepada Undang-Undang Tubuh Menteri Besar 1951 yang saya rasa beban saya untuk memberi penerangan kepada Wakil Manir dan Wakil Wakaf Mempelam yang selalu mendakwa dirinya lebih tahu dari orang lain itu menjadi begitu ringan sekali, Dato' Yang Dipertua. Jadi jelaslah kita kalau mengikut apa yang disebutkan oleh Wakil Batu Buruk tadi bahawa bukan orangnya yang kita pertikaikan tetapi Badan, Body Corporate. Jadi dalam hal ini harus saya tekankan Dato' Yang Dipertua bahawa Perbadanan Menteri Besar adalah satu Body Corporate, bukan orang perseorangan. Kekeliruan nama selalu timbul sepertilah juga halnya Parti Islam dengan Agama Islam. Saya bimbang kalau-kalau kekeliruan ini dibawa keluar daripada Dewan ini Dato' Yang Dipertua dan pihak Pembangkang akan memberitahu kepada rakyat bahawasanya Dewan pada hari ini telah memberi kuasa yang sangat besar dan mutlak kepada Menteri Besar, jadi rakyat pun tertegur. Jadi hari ini saya sukalah memberi amaran bagi pihak Kerajaan, Dato' Yang Dipertua, kalau begitulah yang dilakukan, kalau begitulah yang dilakukan oleh pihak Pembangkang ...

Yang Berhormat Haji Wan Abd.Muttalib: Dato' Yang Dipertua, penjelasan Dato' Yang Dipertua - Apa yang saya baca daripada teks Undang-Undang tadi, seorang Menteri Besar, badannya sendirian dianggap sebagai body corporate bukannya satu Jawatankuasa. Itu penjelasan saya dan itulah Enakmen ini kata - "The Officer for the time being discharging the duties of Menteri Besar, and his successors in office, shall be a body corporate...." Seorang dia, dan dia bertindak seorang diri, tidak ada Jawatankuasa dan sebagainya, ini mesti dijelaskan.

Yang Berhormat Dato' Haji Abd.Rashid: ... Ini mesti di jelaskan, Dato' Yang Dipertua. Perbadanan Menteri Besar adalah ditadbirkan, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, oleh satu Jawatankuasa tertinggi yang dilantik oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan, Dato' Yang Dipertua. Di sini hendak menggambarkan bahawa sudah ada semacam "check and balance" itulah keindahan yang terdapat dalam pentadbiran...

Yang Berhormat Haji Mustafa bin Ali: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, boleh saya mendapat penjelasan bilakah Jawatankuasa itu dilantik?

4 Mei 1986

Yang Berhormat Dato' Haji Abd.Rashid: ...Jawatankuasa ini telah dilantik beberapa tahun yang lalu, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Jadi bila bercakap berhubung dengan dasar pemerintahan demokrasi, Dato' Yang Dipertua....

Yang Berhormat Haji Harun bin Taib: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, di bawah Akta mana Jawatankuasa itu di lantik?

Yang Berhormat Dato' Haji Abd.Rashid: ... Di bawah kuasa-kuasa yang diberikan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Dato' Yang Dipertua...

Yang Berhormat Haji Wan Abd.Muttalib: Penjelasan, Dato' Yang Dipertua - Apa yang saya jelaskan mengenai peruntukan Enakmen ini - Enakmen ini tidak memerlukan apa-apa Jawatankuasa, tetapi sah apa jua yang diperlakukan oleh Menteri Besar sendirian tanpa membuat rujukan kepada mana-mana Body Corporate yang lain atau pun Ahli Jawatankuasa yang lain dan jika sekiranya ada Jawatankuasa sekali pun, Menteri Besar sendiri tidak mempunyai obligasi untuk mematuhi...

Yang Berhormat Haji Salleh bin Mohamad: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan - Jadi apa yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar ini biasanya kita selaras dengan Jawatankuasa-jawatankuasa. Tidak sebagaimana yang dibuat, dilakukan oleh Parti Pembangkang kita yang di Kuala Lumpur bercakap lain di Terengganu bercakap lain, tidak berjoint hak Kuala Lumpur dengan Terengganu. Kita, tidak seumpama itu, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

Yang Berhormat Dato' Haji Abd.Rashid: ... Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kerana menyedari hakikat inilah maka Kerajaan terlalu berhati-hati, maka sebuah Jawatankuasa yang saya katakan tadi telah dilantik oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Dato' Yang Dipertua, sebenarnya kita terlalu sedar akan kuasa-kuasa dan penyalahgunaan kuasa. Tetapi kuasa yang diberi kepada orang perseorangan dalam negeri kita ini sejauh yang dapat kita fikirkan, yang dapat kita ketahui, Dato' Yang dipertua, bukanlah cara yang pernah diberi oleh sebuah Negara yang bernama Iran, iaitu kuasa Ayatullah yang pada waktu-waktu yang tertentu boleh over-rule Kuasa Majlis dan inilah model pentadbiran yang dimimpi-mimpikan oleh PAS Dato' Yang Dipertua. Suka saya memberi jaminan kepada Yang Berhormat Wakil Manir bahawa insyaallah kuasa-kuasa yang di berikan di bawah peraturan ini tidak akan disalahgunakan...

Yang Berhormat Haji Wan Abd.Muttalib: Penjelasan, Dato' Yang Dipertua, ini bukannya soal jaminan yang diberi oleh Kerajaan atau pun ExCo yang berkenaan tetapi ini adalah satu Enakmen yang menjadi Undang-Undang dan yang mempunyai operasinya yang tersendiri.

Yang Berhormat Dato' Haji Abd.Rashid: ... Dato' Yang Dipertua, bukan sahaja setakat jaminan daripada Kerajaan tetapi pengalaman-pengalaman sejarah telah menunjukkan dengan jelas sebagai suatu testimoni kepada apa yang dilakukan oleh pihak Kerajaan, sepatah kata Orang Putih, Dato' Yang Dipertua, "so far so good". Insyaallah tidak ada tanah akan dijual, tidak seperti yang terjadi di Kelantan pada satu masa dahulu ada tanah yang ...

Yang Berhormat Haji Harun bin Taib: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tidak ada orang yang mengaku, timbul-timbul duit sahaja \$2,500 juta hilang. Ini jaminan memang sentiasa terjamin.

Yang Berhormat Haji Salleh bin Mohamad: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan - Jadi kita bercakap ini atas amalan yang telah kita buat, kalau apa yang kita cakap lain kita buat lain itu penyelewengan, jadi kalau kita bercakap ini betul dengan apa yang kita buat, itu tidak jadi penyelewengan, jadi setelah kita lama amalkan ertinya tidak ada yang menjadi seksa yang kita jual, rampas harta benda rakyat dengan tidak mengikut Undang-Undang.

Yang Berhormat Dato' Haji Abd.Rashid: ... Dato' Yang Dipertua, saya rasa cukuplah pengalaman, pengajaran sejarah yang telah menunjukkan kepada kita siapa yang sebenarnya bila diberi kuasa telah salah menggunakan kuasa. Dato' Yang Dipertua, saya merasa dukacita bila Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam terus menerus menimbulkan masalah peruntukan \$10 ribu bagi Masjid Wakaf Mempelam yang saya rasa pernah di dalam Dewan ini diberikan penerangan-penerangan yang jelas dan kita mempunyai peraturan-peraturan yang tertentu, Undang-Undang yang tertentu. Jika sekiranya Wakil Wakaf Mempelam belum berpuashati dengan kenyataan-kenyataan yang pernah diberikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, maka ia bolehlah membawa perkara ini kepada peringkat yang lebih tinggi.

Dato' Yang Dipertua, suka saya mengatakan bahawa kuasa yang diberikan di dalam Enakmen ini tidaklah seperti yang difaham

4 Mei 1986

ataupun yang disangkakan oleh Wakil Batu Buruk yang mengatakan kuasa ini terlalu luas dan terlalu "absolute" kerana kita mempunyai Dewan dan setiap perkara-perkara terutama berhubung dengan peruntukan-peruntukan kewangan kita timbangkan di sini tetapi apa yang perlu dibimbangkan barangkali oleh pihak Pembangkang barangkali ada kemungkinan tidak ada seorang pun Wakil Pembangkang dalam Dewan yang akan datang dan kerana itu mereka merasa terlalu dukacita kerana tidak dapat mengemukakan bantahan-bantahan, bantangan-bantangan kepada perkara-perkara yang selama ini kita kemukakan dengan penuh tanggungjawab dan kejujuran.

Dato' Yang Dipertua, saya rasa tentulah tidak pada tempatnya menyerek-nyerek masalah kis BME' ke dalam Dewan ini tetapi saya juga bersimpati kepada Wakil Pembangkang yang tidak mempunyai forum yang lain daripada Dewan ini untuk menyerekkan kes-kes ini tetapi walau bagaimana pun jelaslah kepada kita bahawa apa yang diterangkan oleh Jawatankuasa Penyiasat dalam laporannya yang begitu tebal dan panjang untuk dibaca bersama oleh pihak Pembangkang dan saya rasa perkara ini telah pun kita kemukakan dengan jelas dan penuh tanggungjawab kepada rakyat, rakyat tentu boleh menghukumkan siapakah yang sebenarnya menggunakan masalah ini untuk kepentingan politik yang sebenarnya Dato' Yang Dipertua.

Dan sekali lagi saya merasa bahawa perkara yang ditimbulkan oleh Wakil Batu Buruk berhubung dengan perjanjian royalti telah pun diterangkan dengan jelas pada suatu masa yang dahulu, saya tidak tahu mengapa Yang Berhormat Wakil Batu Buruk masih mengungkit-ungkitkan perkara ini, adakah dia merasa perlu bahawa satu perubahan yang baru dibuat ataupun dia memikirkan bahawa kita telah tidak menggunakan jasa baik kita tetapi untuk sekali lagi sebagai satu keyakinan kepada Yang Berhormat Wakil Batu Buruk bahawa sesungguhnya Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Kerajaan Barisan sekarang telah pun berikhtiar bersungguh-sungguh untuk mendapatkan perjanjian royalti yang memberikan sedikit sebanyak hasil kepada Kerajaan Negeri Terengganu yang sama-sama pihak Kerajaan dan pihak Pembangkang nikmati sekarang. Jadi dengan itu, saya menyeru, Dato' Yang Dipertua, bukan sahaja penyokong-penyokong Barisan dalam Dewan ini tetapi juga kepada setiap orang wakil-wakil parti Pembangkang yang ada pada hari ini untuk sama-sama membersihkan apa yang dikatakan oleh Wakil Wakaf Mempelam tadi "dhomir" nya masing-masing untuk menyokong Undang-Undang yang dikemukakan kepada Dewan pada pagi ini. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

4 Mei 1986

Cadangan supaya Rang Enakmen Undang-Undang (Tubuh) Menteri Besar (Pindaan) 1986 dibaca bagi kali yang kedua kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan diperse-tujukan dengan suara terbanyak.

RANG ENAKMEN UNDANG-UNDANG (TUBUH) MENTERI BESAR (PINDAAN) 1986 DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG ENAKMEN UNDANG-UNDANG (TUBUH) MENTERI BESAR (PINDAAN) 1986 TELAH DITIMBANGKAN DARI SEFASAL KE SEFASAL DAN TELAH DIPERSETUJUKAN TANPA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua: Mesyuarat sekarang balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Yang Berhormat Dato' Haji Abd.Rashid: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya memaklumkan Rang Enakmen ini telah ditim-bangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujukan dengan tiada pindaan. Saya membawa cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

Yang Berhormat Encik Abdullah bin Mohamad: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan diper-setujukan dengan suara terbanyak.

RANG ENAKMEN UNDANG-UNDANG (TUBUH) MENTERI BESAR (PINDAAN) 1986 DIBACA KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua: Rang Enakmen ini di-luluskan dan menjadi Enakmen Bilangan 2 Tahun 1986.

4 Mei 1986

Enakmen Tanah Simpan Bagi
Orang-Orang Melayu (Pindaan) 1986

Bacaan Kali Yang Pertama

Yang Berhormat Mulia Dato' Haji Tengku Mahmud: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya memohon izin membawa cadangan supaya Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen bagi meminda Undang-Undang Tanah Simpan bagi orang-orang Melayu 1360 dibaca bagi kali yang pertama.

Yang Berhormat Haji Ahmad Kasim: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya menyokong cadangan itu.

RANG ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU
(PINDAAN) 1986 DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

Yang Berhormat Mulia Dato' Haji Tengku Mahmud: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya pohon izin mengemukakan cadangan supaya Rang Enakmen Tanah Simpan bagi orang-orang Melayu (Pindaan) 1986 dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-Undang ini ialah meminda Undang-Undang Tanah Simpan bagi Orang-Orang Melayu 1360 supaya -

- i. Majlis Perbandaran, Kuala Terengganu;
- ii. Majlis Daerah, Besut;
- iii. Majlis Daerah, Kemaman;
- iv. Majlis Daerah, Dungun;
- v. Majlis Daerah, Hulu Terengganu;
- vi. Majlis Daerah, Marang; dan
- vii. Majlis Daerah, Setiu,

menjadi salah satu badan yang kepadanya tanah orang Melayu boleh dipindahmilik, digadai atau disewa.

Terima kasih.

4 Mei 1986

Yang Berhormat Haji Ahmad Kasim: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya menyokong cadangan itu.

Oleh kerana tidak ada Ahli Yang Berhormat yang hendak berucap, cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujukan dengan suara terbanyak.

RANG ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU (PINDAAN) 1986 DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU (PINDAAN) 1986 TELAH DITIMBANGKAN DARI SEFASAL KE SEFASAL DAN TELAH DIPERSETUJUKAN TANPA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Yang Berhormat Mulia Dato' Haji Tengku Mahmud: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya memaklumkan Rang Enakmen ini telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujukan dengan tiada pindaan, saya membawa cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

Yang Berhormat Haji Ahmad Kasim: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujukan dengan suara terbanyak.

RANG ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU (PINDAAN) 1986 DIBACA KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi Enakmen Bilangan 3 Tahun 1986.

4 Mei 1986

T A N G G U H A N

Yang Berhormat Dato' Haji Abu Bakar bin Daud: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dengan ini saya pohon supaya Dewan di tangguhkan kepada suatu masa yang akan ditetapkan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum daripada saya menangguhkan Dewan ini saya suka menjemput semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga Pegawaipegawai ke satu jamuan yang diadakan di Rumah Tetamu. Maka dengan ini juga saya tangguhkan Dewan sehingga ke satu tarikh dan masa yang akan diberitahu kelak.

MESYUARAT TAMAT PADA PUKUL 12.10 TENGAH HARI.